

"TIADA sekutu bagi-Nya dan dengan itu aku diperintahkan, dan aku ialah orang yang mula-mula menyerah diri (kepada Allah di kalangan umatku)."
 - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-An'am, ayat 163

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.33 | SUBUH 4.43 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.42 | MAGHRIB 6.28 | ISYAK 7.43

Daerah Belait ditambah 3 minit
 Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 63

25 MEI 2022 / 1443 شوال 24

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

BERKENAN KURNIAKAN SURAT WATIKAH, TERIMA SURAT TAULIAH PELANTIKAN

Oleh : Khartini Hamir

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Sahari bin Pengiran Haji Salleh (kiri); dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Wan Hadfi Lutfan bin Haji Abdul Latif (kanan).
 - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik dan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam yang baharu.

>> Muka 3

Fasa Awal Endemik berakhir 31 Mei ini

Oleh : Saerah Haji Abd. Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Mei. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Pandu COVID-19 dengan ini memaklumkan bahawa Fasa Awal Endemik (Early Endemic Phase) di bawah Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19 yang akan berakhir pada Selasa, 31 Mei 2022 akan ditamatkan dan tidak akan diteruskan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan, bermula pada Rabu, 1 Jun 2022, garis panduan langkah-langkah pengawalan COVID-19 akan dikemaskinikan.

>> Muka 5

Titah perutusan tahniah sempena Hari Kemerdekaan Jordan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II Ibn Al Hussein, Raja Jordan dan ahli kerabat diraja serta kerajaan dan juga rakyat Jordan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II Ibn Al Hussein, Raja Jordan dan ahli kerabat diraja serta kerajaan dan juga rakyat Jordan bersempena dengan Hari Kemerdekaan negara tersebut.


 IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
 Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama



223 kes sembuh, 1,633 kes aktif

Muka 5



TINGKAT langkah penyesuaian kurangi risiko perubahan iklim

Muka 9



RENCANA

PATUHI SOP di mana jua anak awda berada

Muka 21





HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mei.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Australia yang baharu.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese MP.

Terus berwaspada semasa musim hujan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Mei. - Berikutan dengan kejadian hujan lebat dan risiko banjir pada masa ini, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai, terutama sekali yang tinggal di kawasan terjejas dan dilanda banjir untuk mengambil langkah-langkah berwaspada bagi mencegah serta menghindarkan sebarang kemalangan, kecederaan dan kemungkinan berlakunya penyakit-penyakit berjangkit bawaan makanan serta air, seperti kolera, cirit-birit, keracunan makanan dan penyakit-penyakit bawaan vektor, seperti demam denggi dan

sebagainya.

Antara langkah-langkah yang perlu diambil ketika musim hujan dan jika berlaku banjir ialah memastikan bekalan air adalah bersih dan tidak tercemar; memastikan air minum dimasak terlebih dahulu atau meminum air botol; memasak semua makanan dengan sempurna; mengutamakan kebersihan diri, khususnya mencuci tangan dengan air bersih dan sabun selepas menggunakan tandas; menjaga kebersihan persekitaran tempat tinggal dan kawasan berdekatan serta tidak membuang sampah merata-rata; dan memastikan saliran air tidak

tersumbat oleh sampah sarap, lumpur dan dahan-dahan pokok.

Dalam pada itu juga, langkah-langkah lain yang perlu diambil adalah dengan mendapatkan rawatan jika mengalami penyakit, seperti demam panas, sakit perut, cirit-birit, muntah dan lain-lain; mengutamakan keselamatan, khususnya kanak-kanak agar tidak terdedah pada air banjir bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini, seperti lemas, kecederaan serta jangkitan penyakit; dan mengelakkan daripada menyentuh dawai elektrik yang jatuh berdekatan air banjir.

Bagi mereka yang mempunyai

luka-luka dan penyakit kulit atau mempunyai masalah kesihatan kronik, terutama sekali kencing manis seboleh-bolehnya untuk mengelak daripada terkena air banjir kerana air banjir yang kotor boleh menyebabkan jangkitan.

Walau bagaimanapun, jika mengalami kecederaan kecil yang terdedah pada air banjir adalah dinasihatkan supaya memastikan luka-luka tersebut dibersihkan dan mendapatkan rawatan di Pusat-pusat Kesihatan berdekatan.

Bagi pesakit-pesakit yang menghadapi penyakit kronik, hendaklah memastikan mempunyai bekalan ubat yang

mencukupi dan jika kekurangan bekalan adalah dinasihatkan untuk menghubungi Pusat-pusat Kesihatan berdekatan untuk mendapatkan bantuan bekalan ubat dan memastikan tidak ada takungan air yang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk.

Semasa musim hujan dan apabila berlakunya banjir, orang ramai juga diperingatkan untuk sentiasa menjaga kebersihan diri serta mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing ketika negara masih menangani pandemik COVID-19.

Untuk maklumat lanjut dan sebarang maklum balas, orang ramai boleh mengunjungi Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, di www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Darussalam 123.

WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25	RABU	24	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43
26	KHAMIS	25	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43
27	JUMAAT	26	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.43	6.29	7.43
28	SABTU	27	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.43	6.29	7.44
29	AHAD	28	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.43	6.29	7.44
30	ISNIN	29	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.43	6.29	7.44
31	SELASA	30	4.32	4.42	6.06	6.30	12.19	3.44	6.29	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
32 26 °C	31 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
33 24 °C	32 24 °C	33 24 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	31 25 °C	33 25 °C	
Kuala Belait			
32 24 °C	31 25 °C	33 24 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

25 MEI 2022

Hargai para belia, beri bimbingan dan peluang

PADA Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1443 Hijrah / 2022 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 19 Mei 2022, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah bahawa para belia adalah disanjung tinggi kerana mereka adalah harapan masyarakat dan negara.

Dalam titah itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menekankan bahawa adalah menjadi kewajipan para belia untuk benar-benar menepati erti jolokan-jolokan nama yang telah diberi kepada mereka seperti 'Belia Harapan Bangsa' atau 'Belia Wira Bangsa' atau 'Belia Pelita Zaman' sebagai penghormatan.

Dalam mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu, kita sebagai ibu-bapa, penjaga, guru ataupun golongan masyarakat yang lebih berumur yang setentunya mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kebijaksanaan perlu memberi tunjuk ajar dan sokongan kepada belia agar mereka merasa dihargai. Selain itu juga kita perlu membuat mereka merasa bahawa mereka itu diperlukan dengan cara memastikan mereka diberi peluang untuk ikut serta dalam memberi buah fikiran, memberi cadangan dan juga membuat keputusan dalam situasi-situasi tertentu. Dengan cara ini mereka tidak akan merasa dikecualikan atau terpinggir.

Kita perlu faham bahawa belia adalah pemimpin masa depan dan adalah penting untuk mereka diberi peluang untuk melihatkan kemahiran kepimpinan mereka. Dalam pada masa yang sama kita juga perlu memberi bimbingan dan nasihat. Apabila mereka melakukan kesilapan, janganlah kita menghukum mereka. Apa yang lebih baik adalah untuk kita membantu mereka untuk memperbetulkan kesilapan mereka dan menerangkan apa kesilapan yang telah dilakukan dan mengingatkan agar mereka tidak mengulang kesilapan yang sama.

Apabila kita menghargai para belia, membimbing mereka dengan cara yang baik dan memberi sokongan kepada mereka, Insya-Allah mereka akan memainkan peranan mereka dan menyumbang jasa dan bakti kepada masyarakat tanpa berkira dan juga akan menjadi pewaris masa depan yang bertanggungjawab dan berwibawa.

- Ketua Penyunting PB (Nr)

BERKENAN KURNIAKAN SURAT WATIKAH, TERIMA SURAT TAULIAH PELANTIKAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Sahari bin Pengiran Haji Salleh; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Wan Hadfi Lutfan bin Haji Abdul Latif (kiri dan kanan).

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat-surat Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji

Sahari bin Pengiran Haji Salleh; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Wan Hadfi Lutfan bin Haji Abdul Latif.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, seterusnya berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara

Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Bernard Regnaud-Fabre; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Maeda Toru; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio; Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam,

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Tuan Yang Terutama Luke Lazarus Arnold; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caryn Roberta McClelland; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei

Darussalam, Puan Yang Terutama Sengdavanh Vongsay; dan Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Alok Amitabh Dimri.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Bernard Regnaud-Fabre; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Maeda Toru (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio; dan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Luke Lazarus Arnold (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caryn Roberta McClelland; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Sengdavanh Vongsay (kiri dan kanan).



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 3

Sejurus selepas majlis tersebut, Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik dan Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam yang baharu.

Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu

KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Alok Amitabh Dimri.

Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Nawawi bin Allahyarham Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha; dan Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar.

Majlis-majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH DYMM berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik dan Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam yang baharu (kiri, kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



223 KES SEMBUH, 1,633 KES AKTIF



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua selaku Pemangku Menteri Kesihatan; dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh: Saerah Haji Abd. Ghani
Foto: Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Mei. - Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pemangku Menteri Kesihatan memaklumkan bahawa sebanyak 234 dos pertama vaksin telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun pada Isnin, 23 Mei 2022 yang membawa kepada jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada 33,809 dos, iaitu 78.8 peratus bagi kanak-kanak dalam kumpulan umur tersebut.

Manakala, sebanyak 985 dos kedua vaksin COVID-19 telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah dos kedua yang diberikan kepada kanak-kanak dalam kumpulan umur berkenaan kepada 16,439 dos, iaitu 38.3 peratus.

Dalam pada itu jelas Yang Berhormat, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan dua dos vaksin ialah sebanyak 98.6 peratus. Manakala, sebanyak 69.7 peratus telah mendapatkan dos ketiga vaksin.

"Sebanyak 246 kes baharu telah dilaporkan, iaitu 245 kes adalah hasil daripada pengesanan Ujian Pantas Antigen (ART) dan satu kes adalah hasil daripada 454 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam tempoh masa 24 jam yang lalu," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Oleh itu tambah Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di NBD setakat ini ialah sebanyak 147,021 kes.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, tidak ada kes yang dikategorikan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) dan tidak ada kes sedang berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Jelas Yang Berhormat lagi, sebanyak 223 kes disahkan sembuh yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada 145,166 kes.

Yang Berhormat seterusnya menambah, jumlah kes aktif pula ialah sebanyak 1,633 kes, iaitu 12 kes sedang dirawat di hospital manakala 1,621 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.

"Marilah kita terus menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan kesihatan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam agar negara kita sentiasa di dalam keadaan aman dan sejahtera lagi dirahmati oleh Allah Subhanahu Wata'ala jua. Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamin," kata Yang Berhormat.



Dapatkan insurans perjalanan perubatan sebelum keluar negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Mei. - Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berkeinginan untuk membuat perjalanan keluar negara adalah dikehendaki untuk mendapatkan insurans perjalanan perubatan sebelum keluar negara.

Insurans tersebut, menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang

Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, bukan sahaja dapat melindungi diri mereka daripada kos perubatan akibat jangkitan COVID-19, malah ia meliputi pelbagai kos lain seperti rawatan pelbagai penyakit lain atau kehilangan beg, jika terjadinya sesuatu musibah yang tidak dapat dijangkakan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum jelas Yang Berhormat, negara-negara lain juga telah mula mengurangkan sekatan-

sekatan termasuk meniadakan pengimbasan kod sebelum memasuki premis-premis serta membuka sempadan.

"Dalam hal ini, Jawatankuasa Pandu COVID-19 sedang membuat penelitian dan kajian terhadap beberapa keperluan lain, iaitu pelaksanaan Ujian Pantas Antigen (ART) mingguan bagi para pegawai dan kakitangan di sektor kerajaan dan swasta; pengimbasan Kod QR BruHealth; pembukaan

Fasa Awal Endemik berakhir 31 Mei ini

>> Muka 1

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, garis panduan langkah-langkah pengawalan COVID-19 adalah tidak ada sebarang had dikenakan bagi perkumpulan ramai (sama ada yang diadakan di rumah / kediaman persendirian atau dewan); semua aktiviti kesukanan termasuk pertandingan atau perlawanan adalah dibenarkan dengan tidak ada had dikenakan bagi jumlah kehadiran penonton; dan penyajian makanan bagi apa juga acara di mana-mana premis adalah dibenarkan tanpa sekatan, termasuk penyajian makanan secara bufet.

Selain itu jelas Yang Berhormat, tidak ada sekatan had umur bagi para jemaah yang hadir di masjid bagi Sembahyang Fardu Jumaat dan sembahyang fardu lima waktu. Oleh itu, kanak-kanak di bawah umur 12 tahun adalah dibenarkan untuk hadir ke masjid.

Walau bagaimanapun tegas Yang Berhormat, syarat penggunaan tikar sembahyang sendiri semasa Sembahyang Fardu Jumaat dan sembahyang fardu lima waktu adalah dikekalkan.

Yang Berhormat seterusnya berkata, nasihat-nasihat kesihatan adalah dikemas kini seperti sungkup muka hendaklah dipakai jika berada di dalam bangunan awam, pemakaian sungkup muka di luar bangunan juga digalakkan terutamanya jika dalam keadaan penuh sesak, penggunaan Ujian Pantas Antigen (ART) turut digalakkan sebelum menghadiri acara dan pada bila-bila masa ketika berasa kurang sihat atau mempunyai tanda-tanda jangkitan dan pemeriksaan suhu badan untuk masuk ke premis-premis tidak lagi dimestikan.

"Perubahan ini adalah mengambil kira kepada keadaan jangkitan harian COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang stabil, kadar vaksinasi bagi dos ketiga (dewasa dan remaja) termasuk kadar vaksinasi kanak-kanak yang tinggi, dan kes-kes jangkitan yang teruk (severe cases) serta kadar *bed occupancy* di Pusat Pengasingan adalah rendah.

"Justeru itu, kita dapat kembali kepada keadaan kehidupan sebelumnya dengan penerapan norma baharu dalam kehidupan seharian kita," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, pencapaian ini adalah berkat kerjasama semua pihak terutamanya rakyat dan penduduk NBD yang sentiasa berganding bahu mematuhi garis panduan kesihatan, termasuk sokongan berterusan semua pihak kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan NBD dalam sama-sama memikul tanggungjawab masing-masing.

Dalam hal ini jelas Yang Berhormat, pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan protokol kesihatan hendaklah diteruskan, sebagaimana yang telah dinyatakan.

Isu inflasi dihadapi seluruh dunia

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Mei. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan, inflasi bukan isu yang terjadi di Negara Brunei Darussalam (NBD) sahaja namun ia juga dihadapi oleh seluruh dunia pada masa ini.

Menurut Yang Berhormat, ia bukan sahaja dari segi harga makanan tetapi juga yang dihadapi di negara lain, iaitu harga minyak di stesen minyak, elektrik dan sebagainya.

Namun di negara kita tambah Yang Berhormat, harga minyak dan harga elektrik masih dalam kadar yang sama dan ini bermaksud kerajaan meningkatkan subsidi dalam harga elektrik, petrol dan sebagainya termasuk beras.

"Isu dalam negara yang kita hadapi terutama harga makanan, perkara ini memang sudah dalam perundingan atau sentiasa dipantau oleh beberapa kementerian. Beberapa langkah difikirkan seperti penubuhan *food bank*," ujar Yang Berhormat ketika menjawab persoalan media mengenai peningkatan harga barang dan kekurangan bekalan makanan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, pada masa ini kita bukan sahaja menghadapi isu harga yang meningkat tetapi isu bekalan sama ada mencukupi atau tidak dan ini disebabkan dengan *global supply shortage, food supply shortage*.

"Kita akan terus berusaha, iaitu pertama dengan mendapatkan apa yang diperlukan melalui bekalan; kedua pula, sebolehnya dengan harga yang serendah rendahnya.

"Dalam masa yang sama, kita juga memikirkan apa yang dapat kita laksanakan dalam negara," ujar Yang Berhormat.

sempadan darat dan laut; dan Ujian Swab *pre-departure*.

"Hasil daripada penelitian ini dan tertakluk kepada situasi semasa nanti akan dimaklumkan kepada orang ramai pada satu tarikh kemudian," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini

Jangkitan COVID-19 di NBD yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat berdoa agar Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa memberikan perlindungan dan keselamatan kepada kita daripada jangkitan wabak COVID-19.

COVID-19 : 269 KES BAHARU



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua selaku Pemangku Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Isnin, 23 Mei. - Sebanyak 269 kes baharu dilaporkan, iaitu 267 kes hasil Ujian ART dan dua kes adalah hasil daripada 217 Ujian Makmal RT-PCR, yang dilakukan dalam masa 24 jam lalu.

Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah 146,775 kes.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pemangku Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini

Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, tidak ada kes yang dikategorikan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) dan tidak ada kes sedang berada di Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.


Sementara itu, terang Yang Berhormat, sebanyak 271 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada 144,943 kes dan jumlah kes aktif pula ialah sebanyak 1,610 kes, iaitu 11 kes sedang dirawat di hospital, manakala 1,599 kes sedang menjalani pengasingan diri di

rumah.


Dalam masa 24 jam lalu, Yang Berhormat memaklumkan, bahawa satu kes COVID-19 meninggal dunia, di mana kes tersebut tidak dikategorikan sebagai kematian disebabkan COVID-19.

Menyentuh mengenai program vaksinasi pula, Yang Berhormat menjelaskan statistik terkini adalah kekal seperti yang dinyatakan di dalam Sidang Media semalam, iaitu 78.2 peratus kanak-kanak di dalam kumpulan umur 5 hingga 11 tahun mendapatkan dos pertama vaksinasi COVID-19 dan 36.0 peratus juga mendapatkan dos kedua.

"Sementara itu, 69.5 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah menerima tiga dos vaksin," tambah Yang Berhormat lagi.



KADAR PENDUDUK YANG DIVAKSINASI DALAM PROGRAM VAKSINASI KEBANGSAAN SEHINGGA 22 MEI 2022



#PilihBersama
#Alhamdulillah

Terima sumbangan bagi menangani wabak COVID-19

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Mei. - Dalam membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan, dalam sama-sama menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini, Kementerian

Kesihatan telah menerima pelbagai bentuk sumbangan sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) daripada pihak penderma.

Kementerian Kesihatan hari ini menerima beberapa sumbangan daripada Low San Hardware & The Tool Box dan Mega Trading Marketing.



KEMENTERIAN Kesihatan menerima pelbagai bentuk sumbangan sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat daripada para penderma.

www.moh.gov.bn corp.comms@moh.gov.bn



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN



KE ARAH MENINGKATKAN AKTIVITI PENTERNAKAN SEKTOR AKUAKULTUR



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hamzah Mohidin

BERAKAS, Selasa, 24 Mei. - Barramundi Group (B) Sendirian Berhad (BGB) mencapai penternakan 100 tan ikan Barramundi, di Negara Brunei Darussalam.

Ikan-ikan tersebut akan dipasarkan di pasaran domestik dan eksport, di bawah jenama

'Kuhlbarra'.

Ke arah pencapaian itu, Perasmian Pencapaian Penternakan Barramundi Group (B) Sdn. Bhd. dan Majlis Menandatangani Perjanjian bersama Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), berlangsung di Restoran Anjung Saujana, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apeng; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Menteri Negara di Kementerian Kemahiran dan Sekitaran, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Desmond Tan.

BGB adalah anak syarikat milik penuh Barramundi Group Limited (BGL), beribu pejabat di Republik Singapura, yang disenaraikan di Euronext Growth Oslo, di Norway.

Pemegang saham BGL termasuk Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan Yang berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa mendengarkan penerangan mengenai ikan berkenaan.

MENANDATANGANI bagi pihak KSSUP ialah Pengarah Perikanan, Jabatan Perikanan, KSSUP, Dayang Noraini binti Haji Anggas dan Andreas Peter Illum Wildfang von Scholten bagi pihak syarikat BGB disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan Yang berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Darussalam melalui Dana Modal Pembangunan Strategik, di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Objektif penubuhan BGB di negara ini adalah untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti penternakan ikan di dalam Sektor Akuakultur dan untuk membantu usaha Negara Brunei Darussalam ke arah mempelbagaikan ekonomi dan dijangka akan menyumbang pada peningkatan eksport.

Ketua Pegawai Eksekutif BGL, Andreas Peter Illum Wildfang von Scholten dalam ucapannya, mengongsikan aktiviti-aktiviti penternakan dan bekalan ikan Barramundi secara global, latar belakang syarikat BGL dan perkembangan syarikat BGB sejak ia mula beroperasi, pada tahun 2021.

Setakat ini, syarikat BGB jelasnya, mampu mencapai penternakan sebanyak 100 tan ikan Barramundi.

Majlis tersebut juga diteruskan dengan menandatangani dua perjanjian di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perikanan, KSSUP serta syarikat BGB bagi membenarkan syarikat BGB untuk menggunakan tapak Akuakultur Sungai Mangsalut,

Kampung Tanah Jambu seluas 17 hektar dan di Tapak Ladang Ternakan Ikan Lautan Pelong seluas 776 hektar.

Menandatangani bagi pihak KSSUP, Pengarah Perikanan, Jabatan Perikanan, KSSUP, Dayang Noraini binti Haji Anggas dan Andreas Peter Illum Wildfang von Scholten bagi pihak syarikat BGB.

Dengan perjanjian-perjanjian tersebut, syarikat BGB akan dapat mengembangkan aktiviti-aktiviti penternakan, termasuk penternakan di laut, penetasan ikan dan pemprosesan.

Ini, sekali gus akan dapat meningkatkan lagi pengeluaran ikan dan secara tidak langsung menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Syarikat tersebut turut merancang untuk menubuhkan rantaian nilai (Farm to Fork) dari penetasan, semaian, ladang sangkar laut, pemprosesan sehingga pemasaran jenama 'Kuhlbarra'.

Syarikat itu dijangka akan mengeluarkan 3,000 tan ikan Barramundi setiap tahun menjelang tahun 2026, yang kira-kira bernilai BND30 juta.

Untuk memperkenalkan produk 'Kuhlbarra' di pasaran domestik, syarikat BGB akan bekerjasama bersama syarikat Royal Brunei Culinary untuk menampilkan beberapa hidangan produk-produk 'Kuhlbarra', di restoran-restoran mereka, iaitu Anjung Saujana dan Dynasty, bermula pada Jun 2022.

Turut hadir, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Heng Aik Yeow; pegawai-pegawai kanan dan wakil-wakil dari kedua-dua buah kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan yang lain.

Tingkat daya tahan sistem kesihatan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Mei. - Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan Komanwel Ke-34 (The 34th Commonwealth Health Ministers Meeting) bersidang pada 17 dan 19 Mei 2022 secara dalam talian, dengan tema 'The Road to COVID-19 Recovery : Lessons Learnt for Building Health System Resilience to advance UHC and Global Health Security in the Commonwealth'.

Hadir bagi mewakili Negara Brunei Darussalam di mesyuarat tersebut, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Mesyuarat dirasmikan dengan ucapan daripada Pengerusi Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan Komanwel Ke-34, Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Jamaica, Dr. the Honourable Christopher Tufton, MP dan ucapan alu-aluan daripada Setiausaha Agung Komanwel, The Rt. Hon. Patricia Scotland QC.

Perbincangan mesyuarat diisikan dengan pembentangan daripada wakil negara-negara anggota di setiap rantau, difokuskan kepada tindak balas

dan strategi COVID-19 ke arah memastikan pemulihan yang berkesan, termasuk pengukuhan sistem daya ketahanan kesihatan serta penyelenggaraan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang penting.

Mesyuarat turut memberi fokus dan menekankan kepentingan ke atas tiga sub tema, iaitu Effective Pandemic Management; Strengthening Digital Health; dan Sustaining Health Gains. Ketiga sub tema ini menjurus pada pengajaran yang diperoleh daripada pandemik COVID-19, dalam mempermudah proses pemulihan dan memastikan amalan terbaik untuk kesiapsiagaan menghadapi kecemasan kesihatan secara berterusan dari sebarang ancaman di masa hadapan.

Negara-negara anggota juga berpeluang untuk mengongsikan serta mengetengahkan kaedah dan amalan terbaik serta usaha sama serantau, dalam memanfaatkan inovasi kesihatan digital yang dibangunkan semasa COVID-19, demi membina sistem kesihatan yang lebih berdaya tahan dan memberikan kesaksamaan kepada semua.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir mewakili Negara Brunei Darussalam pada Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan Komanwel Ke-34 (The 34th Commonwealth Health Ministers Meeting) bersidang pada 17 dan 19 Mei 2022 secara dalam talian.

Ini menjurus kepada penyelarasan dasar kesihatan yang penting yang perlu dibincangkan sebagai persediaan bagi Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang bakal menjelang pada Jun 2022 nanti.

Mesyuarat menghasilkan satu kenyataan Menteri-menteri, menggariskan dasar yang boleh

diguna pakai dan segala kemajuan, yang dihasilkan daripadanya dapat dikongsikan secara berkala.

Selain itu, Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan Komanwel di tahun ini juga diharap akan menggalakkan komitmen di Peringkat Menteri, dalam memberikan kerjasama dan memperkembangkan inovasi Sektor Kesihatan dalam tempoh

pemulihan COVID-19, seterusnya meningkatkan daya tahan sistem kesihatan, demi mencapai Universal Health Coverage (UHC).

Turut hadir bersama, Yang Berhormat Menteri Kesihatan; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui; dan Pegawai-pegawai Kanan di Kementerian Kesihatan.

KEMAJUAN PERLINDUNGAN KESIHATAN SEJAGAT MESTI DIPERCEPATKAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika menghadiri Sesi Persidangan Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik (ESCAP) Ke-78 secara maya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mei. - Agenda bersama adalah penting untuk memastikan pelaksanaan Agenda Pembangunan Berdaya Tahan 2030 di rantau ini kembali ke landasan yang betul.

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud ketika menghadiri Sesi Persidangan Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik (ESCAP) Ke-78 secara maya, di sini.

Dalam menggerakkan usaha kolektif dalam melaksanakan Matlamat Pembangunan yang Berdaya Tahan, Yang Berhormat

Dato menyatakan, bahawa kemajuan Perlindungan Kesihatan Sejagat menjelang 2030 mesti dipercepatkan.

Dengan memanfaatkan hubungan dua hala dan pelbagai hala, daya tahan dalam sistem penjagaan kesihatan boleh diperkukuhkan lagi.

Oleh itu, sumbangan kerjasama ESCAP yang sedia ada adalah dihargai dan kemajuan seterusnya dialu-alukan.

Yang Berhormat seterusnya menekankan kepentingan tindakan serantau yang responsif terhadap ancaman perubahan iklim memandangkan kerjasama tersebut dilihat penting, dalam mendukung komitmen Negara Brunei Darussalam untuk mengurangkan pelepasan Gas

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Rumah Hijau (GHG) sebanyak 20 peratus menjelang 2030.

Bersandarkan kemajuan ESCAP dalam perlindungan alam sekitar, Yang Berhormat menyatakan ESCAP perlu menerokai lebih banyak laluan cekap untuk mengurangkan GHG.

Sebagai kesimpulan, Yang Berhormat mengiktiraf peranan penting ESCAP, dalam memupuk kerjasama dan membimbing kemajuan rantau Asia-Pasifik sebaik saja agenda bersama diluluskan.

Sehubungan itu, Yang Berhormat merakamkan penghargaan di atas kerjasama yang diberikan oleh ESCAP, terutamanya menerusi pembinaan

kapasiti dan bantuan teknikal.

Sesi Ke-78 menghimpunkan Ahli-ahli ESCAP bagi membincangkan masa depan kerjasama serantau, dalam memajukan Agenda Pembangunan Berdaya Tahan 2030.

Sesi tersebut dijangka meluluskan Deklarasi Bangkok sempena Ulang Tahun ESCAP Ke-75 bertajuk, 'A common agenda to advance sustainable development in Asia and the Pacific' yang secara asasnya menegaskan semula komitmen para Ahli ESCAP, dalam memajukan Agenda Pembangunan Berdaya Tahan 2030.

MoU wujudkan hala tuju iklim yang berdaya tahan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi BIBD; Yang Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pengerusi Bersama Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCC); Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Ahli BNCCC; Yang Berhormat Menteri di JPM; dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Ahli BNCCC; serta Yang Mulia Timbalan Menteri Jabatan Tenaga di JPM bergambar ramai pada Penandatanganan Memorandum Persefahaman yang dimeterai di antara BNCCC dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mei. - Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai di antara Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCC) dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) di harap mampu mewujudkan, menggalakkan dan membangunkan kerjasama antara kedua-dua pihak dalam memajukan penyelesaian tindakan iklim bagi NBD sebagai sebuah negara rendah karbon serta mewujudkan hala tuju (*pathways*) iklim yang berdaya tahan dan sebuah negara yang mampan.

MoU itu juga akan meneroka

kerjasama dalam mana-mana bidang lain di mana mempunyai kepentingan bersama seperti Protokol Hijau, Aktiviti Penanaman Pokok, Tenaga Yang Boleh Diperbaharui, Kempen Kesedaran dan Pendidikan, Kewangan Mampan dan Pelaburan dalam Pemuliharaan Tenaga dan banyak lagi.

Hadir pada majlis menandatangani perjanjian yang berlangsung di Bangunan PGGMB, di sini ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi BIBD.

Turut hadir, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar selaku Pengerusi Bersama BNCCC; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong selaku Ahli BNCCC; Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof selaku Ahli BNCCC serta Timbalan Menteri Jabatan Tenaga di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw dan Timbalan

Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin.

Menandatangani bagi pihak BNCCC ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak dan Setiausaha Tetap Jabatan Tenaga di JPM, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya sebagai saksi dan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim.

Sementara bagi pihak BIBD pula ialah Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Dayang Hajah Noraini binti Haji Sulaiman, disaksikan oleh Ketua Pegawai Pemasaran BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar juga selaku Ketua Kumpulan Transformasi Kemampanan BIBD.

Terdahulu, Dayang Hajah Noraini dalam kata alu-aluannya menyatakan bahawa projek pembangunan pesat dan kemajuan teknologi telah membawa beberapa kesan yang negatif, khususnya terhadap persekitaran kita apatah lagi di peringkat tempatan dan global dan inilah masa untuk mengambil tindakan.

Justeru, Dayang Hajah Noraini menekankan bahawa kita perlu mengambil pendekatan holistik untuk memacu agenda kemampanan dan komitmen lebih jauh ke dalam perhatian bagi memastikan tindakan dibuat segera bagi mencapai matlamat sifar bersih BNCCC menjelang

2050 nanti.

Jelasnya, BIBD sebagai warga korporat, berbesar hati untuk menyahut seruan itu, menjadi organisasi swasta pertama menjadi rakan kongsi rasmi untuk Race to Zero, melalui perkongsian dan kerjasama padu pihaknya dengan BNCCC melalui Sekretariat Perubahan Iklim Brunei (BCCS).

"Ikran yang akan diambil sebagai nilai perniagaan teras kami, akan membentuk ekosistem perniagaan secara progresif untuk BIBD dan kumpulan syarikatnya pada masa hadapan," tambahnya lagi.

MoU yang diadakan pada hari ini bertujuan untuk mewujudkan, menggalakkan dan membangunkan kerjasama antara BIBD dan agensi di bawah BNCCC dalam memajukan penyelesaian mitigasi dan penyesuaian iklim untuk membuka jalan ke arah sifar bersih 2050.

Dengan, tambahnya, mempromosikan laluan berdaya tahan iklim dan melaksanakan tindakan dalam agenda mampan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui BNCCC.

Melalui MoU ini, katanya, BIBD berharap dapat bekerjasama dengan BNCCC dan berhasrat untuk menjadi pemangkin untuk mewujudkan kesedaran mengenai agenda perubahan iklim dan menjadi pemacu pengaruh dan perubahan untuk pelanggan, komuniti dan industri.

>> Muka 9



MENANDATANGANI bagi pihak BNCCC, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan (dua kiri) dan Setiausaha Tetap Jabatan Tenaga di JPM (kiri) sebagai saksi dan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim, sementara bagi pihak BIBD, Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD disaksikan oleh Ketua Pegawai Pemasaran BIBD selaku Ketua Kumpulan Transformasi Kemampanan BIBD.

TINGKAT LANGKAH PENYESUAIAN KURANGI RISIKO PERUBAHAN IKLIM

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mei. - Kita sedia maklum bahawa perubahan iklim merupakan isu utama yang memberi kesan kepada kehidupan seharian dan merupakan ancaman terbesar kepada kesihatan global dalam Abad Ke-21.

Perubahan ini menjadi lebih ketara pada pertengahan hingga akhir Abad Ke-20 apabila kita menjejaki dan memantau perubahan suhu di atmosfera.

Tahun 2018, 2019 dan 2020 memegang anugerah sebagai tahun paling panas dalam rekod. Walaupun 2021 bukanlah tahun paling panas kerana peristiwa La Nina, ia kekal sebagai salah satu daripada tujuh tahun paling panas dalam rekod seperti yang dirakamkan oleh Pertubuhan Meteorologi Dunia (WMO).

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar selaku Pengerusi Bersama Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCC) menjelaskan demikian pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara BNCCC dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), hari ini.

Perubahan iklim mengancam orang ramai dengan kekurangan makanan dan air, peningkatan banjir, kepanasan melampau, lebih banyak penyakit dan kerugian ekonomi.

Laporan Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim (Intergovernmental Panel on Climate Change - IPCC) Ke-6 yang diterbitkan baru-baru ini, menggambarkan gambaran yang membimbangkan, perubahan iklim sudah memberi kesan kepada setiap sudut dunia dan lebih banyak kesan yang lebih teruk akan berlaku jika kita gagal mengurangkan separuh pelepasan gas rumah hijau pada dekad ini dan juga meningkatkan penyesuaian adaptasi serta-merta.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan seterusnya

menyatakan bahawa meskipun dunia menyahkarbon, gas rumah hijau sudah berada di atmosfera dan aliran pelepasan semasa akan menjadikan beberapa kesan iklim yang sangat ketara tidak dapat dielakkan menjelang 2040.

IPCC menganggarkan bahawa dalam beberapa dekad yang akan datang, perubahan iklim akan mendorong 30 hingga 130 juta, lebih ramai penduduk dunia akan mengalami kemiskinan yang melampau.

"Pemanasan global akan menjejaskan keselamatan makanan serta meningkatkan kematian yang berkaitan haba, penyakit jantung dan cabaran kesihatan mental," kata Yang Berhormat pada majlis yang berlangsung di Bangunan PGMB di ibu negara, di sini.

Selain itu, Yang Berhormat selanjutnya menerangkan, beberapa laporan juga mendapati bahawa setiap sepersepuluh darjah pemanasan tambahan akan meningkatkan ancaman kepada manusia, spesies dan ekosistem.

Malah mengehadkan pemanasan global kepada 1.5 darjah Celsius iaitu sasaran global dalam Perjanjian Paris adalah tidak selamat untuk semua.

"Negara kita tidak terkecuali daripada kesan Krisis Iklim. Purata suhu telah meningkat di Brunei pada kadar 0.25 darjah Celsius setiap dekad dan mungkin mencapai peningkatan 4 darjah Celsius menjelang akhir abad ini," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat selanjutnya menambah, purata hujan bulanan telah meningkat pada kadar 100mm setiap dekad dan diramalkan akan meningkat kepada min 500mm menjelang 2050.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, terdapat juga peningkatan bilangan banjir, kebakaran hutan, tanah runtuh besar dan angin kencang, merosakkan bangunan dan persekitaran termasuk kediaman.

Pada tahun 2019 sahaja, tambah Yang Berhormat, kita mengalami rekod baharu hujan harian tertinggi

iaitu 275mm dan kebakaran hutan yang memusnahkan lebih 160 hektar hutan hujan.

"Ini adalah beberapa kesan perubahan iklim dan oleh itu penyesuaian adalah amat penting. Usaha kami hari ini masih sebahagian besarnya meningkat, mengaktifkan semula (*reactive*) dan berskala kecil, kebanyakannya hanya tertumpu pada kesan semasa dan risiko jangka terdekat.

"Pilihan penyesuaian sedia ada boleh mengurangkan risiko iklim jika ia dibiayai dengan secukupnya dan dilaksanakan dengan lebih cepat. Penyelesaian yang boleh dilaksanakan sudah wujud tetapi lebih banyak sokongan mesti menjangkau komuniti yang terdedah," ujarnya lagi.

Oleh itu, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menekankan bahawa adalah penting untuk kita meningkatkan langkah-langkah penyesuaian dan membuktikan masa depan negara kita dan komuniti kita.

Yang Berhormat seterusnya berkata bahawa walaupun sumbangan negara kita kepada pelepasan gas rumah hijau global adalah rendah iaitu sebanyak 0.025 peratus daripada jumlah pelepasan gas rumah hijau global setiap tahun namun tanpa mengira pengeluaran yang agak rendah ini, komitmen kita tetap kukuh sebagai sebahagian daripada agenda kebangsaan untuk memerangi perubahan iklim seperti yang ditegaskan komitmen kita dalam Perjanjian Paris.

Kita, jelas Yang Berhormat sedang menuju ke arah sifar bersih menjelang 2050 yang mendorong peralihan tenaga dan pemuliharaan hutan dan ia bukan satu tugas yang mudah akan tetapi ia adalah perlu.

Yang Berhormat percaya bahawa kita akan dapat membuat perubahan besar dengan tindakan kecil kita dan kemudiannya percaya dengan berbuat demikian, kita akan dapat membuka peluang besar untuk pertumbuhan hijau dan mewujudkan pekerjaan.

Seperti yang dikongsi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Sidang Kemuncak Khas AS-ASEAN baru-baru ini dan keputusan Pengerusi ASEAN Brunei pada tahun lepas, Pusat ASEAN bagi Perubahan Iklim akan ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam pada tahun ini.

Pusat tersebut akan membolehkan NBD menjadi hab pengetahuan dan penyelidikan mengenai semua perkara yang berkaitan dengan perubahan iklim di rantau ini.

Oleh itu, adalah penting untuk kita meningkatkan kesedaran tentang kesan perubahan iklim dan untuk menerapkan kecekapan perubahan iklim serta menyepadukan perancangan strategik bermaklumat iklim dan membuat keputusan.

Terdahulu, Yang Berhormat juga menyatakan bahawa perkongsian / kolaborasi (*partnership*) itu merupakan platform kerjasama utama antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui



YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pengerusi Bersama Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam berucap pada majlis tersebut.

agensi berkaitan di bawah BNCCC dengan BIBD yang akan membolehkan kemajuan projek strategik utama di bawah Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP).

166 graduan MIC diraikan



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyampaikan sijil kepada graduan pada Majlis Tamat Pengajian Micronet 2021 yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

JERUDONG, Selasa, 24 Mei. - Seramai 166 graduan Kolej Antarabangsa Micronet (MIC) yang mengikuti pelbagai program Teknologi Maklumat (IT), diraikan setelah berjaya menamatkan pengajian masing-masing, pada Majlis Tamat Pengajian Micronet 2021 yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyampaikan sijil serta anugerah kepada para graduan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Para graduan tersebut menamatkan pengajian dalam program Sijil Peringkat 2 Antarabangsa Pearson BTEC dalam IT, Diploma Peringkat 3 Pearson BTEC dalam IT, Diploma Tertinggi Kebangsaan Peringkat 5 Pearson BTEC dalam Pengkomputeran (RQF), Diploma Lanjutan Scottish Qualifications Authority (SQA) dalam Sains Komputer dan Diploma Peringkat 4 NCC Education dalam Pengkomputeran.

Semasa berucap, Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkata, dengan keadaan pasaran pekerjaan yang dijangka semakin mencabar, terutama semasa pasca COVID-19, institusi-institusi pendidikan diseru agar sentiasa relevan dalam merangka program-program dan mempersiapkan diri para pelajar untuk menghadapi perkembangan industri yang pesat dengan kemajuan teknologi melalui pengajaran serta pembelajaran dan kurikulum yang berintegrasikan kemahiran ICT serta teknologi digital.

>> Muka 18

MoU wujudkan hala tuju iklim yang berdaya tahan

>> Muka 8

Sejurus penandatanganan MoU dan bergambar ramai, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet yang hadir menyaksikan Mini Pameran antaranya BCCS yang mempamerkan beberapa projek dan inisiatifnya yang termasuk Tenaga Boleh Diperbaharui yang merupakan strategi yang bertujuan untuk memastikan peralihan yang lancar bagi penggunaan dan penggunaan teknologi tenaga boleh diperbaharui di seluruh negara contohnya panel solar khususnya di kawasan perumahan.

BCCS juga mempamerkan inisiatif Protokol Hijau yang menggariskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan untuk menyumbang secara signifikan kepada pengurangan rendah karbon, melalui penggunaan teknologi yang cekap dan langkah pemuliharaan di beberapa kawasan, penggunaan tenaga, air, penggunaan kertas dan plastik,

pengurusan pelupusan sisa, pengurusan acara rasmi dan penanaman pokok.

Sementara itu, BIBD juga mempamerkan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan sebagai sebahagian daripada Rangka Kerja Kemampuannya termasuk Dana Alam Sekitar, Sosial dan Urus Tadbir Korporat (ESG) yang diperkenalkan dan dikendalikan oleh BIBD Securities.

Seterusnya, kempen pendidikan dan kesedaran melalui media massa, kalendar kitar semula, paket perayaan digital, botol kaca, penyertaan dalam kempen pembersihan Coastal Marvel dan rancangan Kempen Derma Pokok.

Rangka Kerja Kemampuan BIBD mempunyai 13 bidang kerjasama yang digariskan dalam MoU, walaupun tidak terhad kepada perkara berkenaan kerana ia menjanjikan komitmen sasaran sebanyak BND2 bilion ke arah Pembiayaan Kemampuan menjelang 2030, meliputi

semua bidang perniagaan, kemampan korporat dan inisiatif tanggungjawab sosial korporat.

Melalui komitmen sasaran tersebut, BIBD berusaha untuk menerajui amalan perniagaan dan aktiviti dalam pasaran domestik dengan mempromosikan pengawasan khususnya dalam kalangan korporat tempatan, disokong oleh pendigitalan, pembiayaan kelestarian, pendidikan masyarakat dan rangkuman sosial.

Sehingga kini, BIBD telah mengeluarkan hampir 40 komunikasi kesedaran dan pendidikan kepada orang ramai serta pelbagai inisiatif lain sebagai sebahagian daripada langkah kecil yang diusahakan oleh pihak BIBD malah ia diharap akan menjadi permulaan perjalanan kemampan BIBD untuk menyokong visi dan matlamat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke arah mencapai Sifar Bersih 2050.

Mengubah Niat Sedekah Sunat Kepada Zakat

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Kepentingan Niat

Niat adalah perkara yang sangat penting dalam ibadat kerana suatu ibadat itu tidak dianggap sah tanpa niat. Tempat niat itu adalah di dalam hati namun sunat melafazkan niat tersebut untuk membantu hati. Perkara ini berdasarkan kepada hadits yang diriwayatkan daripada Sayyidina 'Umar bin al-Khaththab Radhiallahu 'anhu bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya segala amalan-amalan itu adalah dengan niat (masing-masing)."

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Menurut Imam as-Suyuthi Rahimahullah dalam kitabnya al-Asybah Wa an-Nazha'ir kepentingan niat bagi sesuatu amalan adalah seperti berikut :

Membezakan ibadat dengan amalan biasa (العادة)

Peranan penting niat adalah untuk membezakan antara ibadat dengan amalan biasa. Contohnya perbuatan mandi merupakan suatu amalan biasa yang dilakukan oleh semua seorang. Tujuannya ialah untuk membersihkan dan menyejukkan badan. Namun ada juga kalanya mandi dilakukan kerana tujuan ibadat seperti mandi kerana mengangkat hadats besar. Peranan niat di sini ialah untuk membezakan antara mandi sebagai ibadat dengan mandi biasa.

Demikian juga pemberian suatu harta kepada orang lain boleh menjadi pemberian (hibah) semata-mata dan boleh juga untuk tujuan-tujuan lain. Namun ada juga kalanya suatu pemberian harta kepada orang lain itu dilakukan untuk tujuan ketaatan (qurbah) seperti memberi harta sebagai zakat, sedekah dan kaffarah. Maka peranan niat di sini ialah untuk membezakan antara pemberian harta dengan tujuan ketaatan (qurbah) dengan pemberian selainnya.

Membezakan status ibadat

Peranan niat juga adalah untuk membezakan taraf sesuatu ibadat yang dilaksanakan. Contohnya dalam ibadat sembahyang ada sembahyang fardhu, sunat dan nazar, maka peranan niat di sini adalah membezakan status sembahyang yang dilakukan sama ada fardhu, sunat atau nazar.

Niat Dalam Sedekah Dan Zakat

Sebagaimana dijelaskan di atas sedekah sunat adalah satu ketaatan (qurbah) dan memerlukan pelakunya berniat untuk membezakan pemberiannya itu sebagai sedekah atau pemberian biasa. Dengan niat tersebut pelakunya akan mendapat ganjaran pahala dari amalan sedekah sunatnya.

Manakala berniat dalam mengeluarkan zakat adalah wajib. Niat juga merupakan salah satu rukun zakat. Niat pengeluaran zakat adalah memadai dengan niat zakat seperti "Ini adalah zakat" atau "Ini zakat hartaku" kerana perkataan zakat tidak membawa erti selain daripada zakat.

Maka tidak memadai zakat dengan niat sedekah semata-mata. Menurut pendapat al-ashah, tidak memadai niat zakat seperti "Ini sedekah hartaku" kerana perkataan sedekah itu juga termasuk sedekah sunat dan pada adat kebiasaannya sedekah bermaksud sedekah sunat. Walau bagaimanapun apabila diniatkan, seperti "ni sedekah mafrudhah atau sedekah wajibah", maka memadai sebagai zakat.


Mengubah Niat

Dalam perkara seorang kaya yang berwakil kepada pembantunya untuk menyerahkan wang sedekah sunatnya kepada seorang miskin kemudian dia mengubah niatnya untuk menjadikan sedekah sunatnya itu sebagai zakat hartanya, maka adalah memadai harta yang diberikannya atau dikeluarkannya itu sebagai zakat dengan syarat dia mengubah niatnya sebelum wakilnya menyerahkan harta tersebut kepada penerima.

Perkara ini dijelaskan oleh Imam Ibn Hajar Rahimahullah dalam kitabnya Tuhfat al-Muhtaj :

Ertinya : Sekiranya seseorang berkata kepada orang lain (sebagai wakilnya) : "Sedekahkanlah dengan (harta) ini

DEMIKIAN juga pemberian suatu harta kepada orang lain boleh menjadi pemberian (hibah) semata-mata dan boleh juga untuk tujuan-tujuan lain. Namun ada juga kalanya suatu pemberian harta kepada orang lain itu dilakukan untuk tujuan ketaatan (qurbah) seperti memberi harta sebagai zakat, sedekah dan kaffarah.



(sebagai sedekah tathawwu'), kemudian dia (pemilik harta) berniat (sebagai) zakat sebelum dia (wakilnya) menyedekahkannya, (maka) adalah memadai (sebagai zakat) darinya (harta yang disedekahkannya).

Selain disyaratkan mengubah niat sebelum wakil menyerahkan harta tersebut kepada penerima, disyaratkan juga penerima sedekah itu adalah terdiri daripada golongan yang berhak menerima zakat (mustahiqq az-zakah) sebagaimana dalam kitab Mughni al-Muhtaj, nukilan asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini Rahimahullah dari kata-kata Imam Abu 'Ashim al-'Abbadi Rahimahullah dalam kitabnya az-Ziyadat :

Ertinya : Bahawasanya jika dia menyerahkan suatu harta kepada wakilnya untuk dia (wakil) mengagihkannya sebagai tathawwu' (sedekah sunat), kemudian dia berniat dengannya (sebagai) fardhu (zakat), kemudian wakil tersebut mengagihkannya, (maka) jatuh ia kepada fardhu (zakat) sekiranya penerima itu adalah orang yang berhak (menerima zakat).

Demikianlah penjelasan tentang mengubah niat sedekah sunat kepada zakat.

منوجو كرىضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

SALAH satu amalan utama semasa menjalani Hari Raya Aidilfitri ialah amalan saling kunjung mengunjungi antara sesama keluarga. Lebih utama lagi jika yang dikunjungi itu kedua ibu bapa dan kaum kerabat kita kerana pada masa inilah seluruh ahli keluarga terdekat sangat sesuai untuk dikunjungi. Perkara kunjung mengunjungi ini memang digalakkan dalam Islam dan memiliki keutamaan yang besar dari segi pahala dan berkat, di samping dapat memupuk hubungan silaturahmi.

Beberapa hadis ada menerangkan tentang keutamaan memupuk hubungan silaturahmi dan larangan memutuskannya, sama ada dengan orang tua atau kaum kerabat. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, dari Abu Ayyub Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Kamu beribadah kepada Allah dan

Mengunjungi kaum kerabat di Hari Raya

tidak menyekutkannya, menegakkan sembahyang, dan menunaikan zakat serta menjalin tali silaturahmi".

Dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari daripada Anas bin Malik, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Barang siapa ingin dilapangkan pintu rezeki untuknya dan dipanjangkan umurnya hendaknya ia menyambung tali silaturahmi".

Manakala hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, daripada Abu Bakrah, dia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Tidak ada dosa yang lebih pantas untuk disegerakan hukumannya bagi pelakunya di dunia bersama dengan azab yang ditangguhkan (tersimpan) baginya di akhirat, selain dosa kezaliman dan memutus tali silaturahmi".

Imam Ahmad ada meriwayatkan dalam sebuah hadis daripada Abdurrahman bin 'Auf bahawa dia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Allah 'Azza wa Jalla berfirman : "Aku adalah Ar-Rahman, Aku telah menciptakan rahim dan Aku jadikan rahim sebagai

pecahan dari nama-Ku. Barang siapa menyambungnyaku Aku akan menyambungkannya, dan barang siapa yang memutuskannya maka Aku akan memutuskannya".

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Baihaqi dari Ibnu 'Umar Radhiallahu 'anhuma berkata : "Siapa yang bertakwa kepada Rabbnya dan menyambung silaturahmi nescaya umurnya akan dipanjangkan dan hartanya akan diperbanyakkan serta keluarganya akan mencintainya".

Adapun tujuan amalan kunjung mengunjungi itu antaranya menebus kesalahan. Memang setiap hamba tidak terlepas dari sebarang dosa, baik dosa antara dirinya dengan Allah mahupun terhadap orang-orang terdekat. Dosa kepada Allah Subhanahu Wata'ala boleh ditebus dengan taubat. Taubat di sini bertujuan untuk menyesali dosa yang telah lalu, kembali taat dan bertekad tidak mengulangi dosa tersebut pada masa akan datang. Sedangkan kesalahan terhadap kaum kerabat di samping memenuhi syarat, juga diwajibkan untuk meminta maaf kepada mereka yang kita berbuat salah.

Imam Al-Bukhari ada meriwayatkan dalam

sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Siapa yang pernah berbuat aniaya (zalim) terhadap kehormatan saudaranya atau sesuatu apapun hendaklah dia meminta kehalalannya (maaf) pada hari ini (di dunia) sebelum datang hari yang ketika itu tidak bermanfaat dinar dan dirham. Jika dia tidak lakukan, maka (nantinya pada hari Kiamat) bila dia memiliki amal soleh akan diambil darinya sebanyak kezalimannya. Apabila dia tidak memiliki kebaikan lagi maka keburukan saudaranya yang dizaliminya itu akan diambil lalu ditimpakan kepadanya".

Oleh sebab itu, keperluan kita untuk terus saling memaafkan dan meminta maaf ini tentu tiada pernah putus selama masih hidup bermasyarakat termasuk dalam hidup berumah tangga dan hubungan dengan kerabat. Namun sekali lagi, saling memaafkan di sini sebenarnya bukan jadi suatu khusus yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada Hari Raya sahaja. Ketika ada salah dan pernah berbuat salah pada orang tua, kerabat dan lainnya, hendaklah kita memohon maaf dan saling memaafkan.

31 GRADUAN CEMERLANG DIRAIKAN



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hamzah Mohidin

"Ini terbukti apabila pelajar-pelajar di bawah Skim Biasiswa Kerajaan ke Luar Negeri peringkat Ijazah Sarjana Muda terus mencatat peningkatan yang membanggakan di dalam kadar pengijazahan (graduation rate) tahun ke tahun, iaitu daripada 88.2 peratus pada tahun 2019 kepada 91.8 peratus pada tahun 2020 dan seterusnya 92.0 peratus pada tahun 2021," ujarnya lagi.

Beliau turut mengongsikan bahawa kadar pengijazahan bagi Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan bagi tempoh yang sama adalah 93 peratus pada tahun 2019, menurun ke 80 peratus pada tahun 2020 walau bagaimanapun meningkat semula ke kadar 94 peratus pada tahun 2021.

Penurunan kadar tersebut jelasnya, adalah disebabkan oleh beberapa faktor termasuk pelajar yang mengambil keputusan untuk menangguhkan pengajian (gap year) mereka semasa awal-awal penularan wabak COVID-19.

"Di samping itu, kadar pelajar-pelajar Biasiswa Kerajaan ke Luar Negeri yang memperoleh keputusan cemerlang, iaitu yang mendapat Kepujian Kelas Pertama (1st Class Honours) juga di tahap yang sangat membanggakan bagi tiga tahun kebelakangan ini apabila pelajar-pelajar berjaya mencatatkan kadar Kepujian Kelas Pertama melebihi 20 peratus pada setiap tahun.

"Manakala kadar Kepujian Kelas Pertama bagi Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan meningkat dari 17 peratus pada tahun 2019 kepada 28 peratus pada tahun 2021," jelasnya lagi.

YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat, yang turut menyampaikan plak dan sijil pencapaian kepada graduan di bawah Skim Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Luar Negeri dan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan yang berjaya memperoleh keputusan Kepujian Kelas Pertama (2020 dan 2021), yang diraikan pada Majlis Anugerah Graduan Cemerlang, seterusnya beramah mesra bersama mereka (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mei. - Seramai 31 graduan di bawah Skim Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Luar Negeri dan Skim Bantuan Pinjaman



Pendidikan yang berjaya memperoleh keputusan Kepujian Kelas Pertama (2020 dan 2021) diraikan pada Majlis Anugerah Graduan Cemerlang, di sini.

Majlis yang berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah itu dihadiri Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman selaku tetamu kehormat yang turut menyampaikan plak dan sijil pencapaian.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi); Naib

Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD); Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB); Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) di Kementerian Pendidikan, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan.

Majlis ini bertujuan bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap usaha para graduan dalam mencapai kelulusan yang cemerlang.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menjadi inspirasi dan galakan kepada pelajar-pelajar lain agar lebih bersemangat untuk meraih kejayaan dalam pengajian mereka.

Ketua Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamat ketika berucap mengatakan, bahawa seramai 31 graduan menerima Anugerah Graduan Cemerlang 2022 yang

terdiri daripada 17 graduan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan 14 graduan di bawah Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan yang berjaya menamatkan pengajian mereka pada tahun 2020 dan 2021.

Menurutnya, dua tahun kebelakangan ini merupakan detik yang sangat mencabar dan sukar bagi seluruh warga dunia akibat penularan wabak COVID-19. Ini tidak terkecuali bagi golongan pelajar termasuk pelajar-pelajar kita yang menuntut di luar negara.

"Para pelajar perlu menyesuaikan diri dengan norma baharu dalam pendidikan terutama dalam beralih ke pembelajaran dalam talian. Namun begitu, kesukaran dan cabaran seumpama ini tidak sama sekali mematahkan semangat para pelajar kita untuk terus berusaha mendapatkan keputusan cemerlang.

KETUA Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamat ketika berucap.

Majlis Doa Kesyukuran sempena WTISD 2022

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Mei. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bersempena dengan Memperingati Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia (WTISD) 2022, di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat dan Fardu Asar Berjemaah, diketuai oleh Imam, Haji Mohd. Ashraf bin Haji Bujang, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran.

Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia (WTISD) ini disambut pada 17 Mei setiap tahun sejak tahun 1969 bagi Memperingati Penubuhan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) dan Penandatanganan Konvensyen Telegraf Antarabangsa Pertama, pada tahun 1865.

Ia juga disambut bagi meningkatkan kesedaran tentang



kepentingan penggunaan internet dan ICT kepada masyarakat dan ekonomi serta cara untuk merapatkan jurang digital.

Sambutan tahun ini membawa tema 'Digital Technologies for Older Persons and Healthy Ageing', di mana ia menekankan peranan penting ICT dalam membolehkan warga emas kekal sihat, berhubung dan berdikari, membolehkan mereka mengambil bahagian serta menyumbang kepada masyarakat.

Turut hadir, Timbalan Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw; Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Ir. Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap

(Infokomunikasi), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohd. Sali bin Haji Aspar; dan Ketua Eksekutif AITI dan Ahli-ahli Pihak Berkuasa AITI, Awang Ir. Haji Jailani bin Haji Buntar.

Tetamu jemputan yang lain, terdiri daripada Pemangku Ketua Eksekutif MPABD; Pesuruhjaya Interim Cyber Security Brunei; Ketua-ketua Jabatan; Pegawai-pegawai Kanan; Pegawai dan Kakitangan dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta AITI; wakil-wakil InfoCom Federation Brunei (IFB); dan penyedia-penyedia perkhidmatan telekomunikasi serta syarikat-syarikat ICT.

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir pada Majlis Doa Kesyukuran bersempena dengan Memperingati Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia (WTISD) 2022, di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas (atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.



TERUS BERSATU, BEKERJASAMA, BERDOA DEMI KESEJAHTERAAN BERSAMA



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada Majlis Tahlil dan Doa Kesyukuran sempena Penubuhan PKWE, Daerah Brunei dan Muara Yang Ke-9, Tahun 2022.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyampaikan ucapan pada majlis tersebut.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

LAMBAK KANAN, Selasa, 24 Mei.
- Dengan keahlian yang sudah mencecah sekitar 500 ke 600 orang, ia membuktikan, bahawa Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Brunei dan Muara (DBM) memang berupaya untuk berdiri sendiri serta berdaya tahan, hasil usaha dan semangat kesemua ahli yang berpandangan amat luas dan jauh.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin berkata demikian semasa Majlis Tahlil dan Doa Kesyukuran sempena Penubuhan PKWE, DBM Yang Ke-9, Tahun 2022, di pusat berkenaan, di sini.

Oleh itu, tambah Yang Berhormat, dalam mengorak langkah yang lebih jauh ke hadapan, beliau amat yakin keahlian PKWE DBM akan terus meningkat, tidak mustahil kepada 1,000 ahli pada masa yang terdekat ke arah memperluaskan lagi kesan yang positif kepada warga emas dan masyarakat.

Yang Berhormat seterusnya melahirkan harapan agar PKWE akan terus bersatu, bersama,

bekerjasama serta berdoa demi kesejahteraan bersama.

Terdahulu itu, Yang Berhormat turut merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada sekalian Ahli PKWE DBM sempena sambutan sembilan tahun Penubuhan PKWE yang pertama, di negara ini.

Perjalanan hampir satu dekad ini, jelas Yang Berhormat, merupakan perjalanan yang amat jauh, yang mencerminkan usaha gigih berterusan setiap lapisan warga PKWE DBM sebagai pengasas kepada PKWE, di seluruh negara.

Tambah Yang Berhormat, segala pencapaian yang sudah diraih, khususnya adalah untuk menyatukan dan memastikan kesejahteraan setiap lapisan golongan warga emas sentiasa mengamalkan gaya hidup aktif (*successful aging*) demi kebaikan masyarakat serta negara.

"InsyaaAllah, dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, kementerian-kementerian lain, khususnya Kementerian Kesihatan serta Agensi-agensi Kerajaan lain secara berterusan, PKWE di seluruh negara akan terus meneguhkan kesatuan dan kesepakatan tanpa mengira, sama ada ianya dari PKWE, dari pertubuhan WARGAMAS,

Persatuan-persatuan lain atau individu perseorangan, demi kepentingan golongan emas di seluruh negara," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menyarankan agar PKWE menambah dan meningkatkan usaha-usaha yang sudah dilaksanakan, khususnya dalam memaksimumkan pelbagai wadah yang sedia ada.

"Inilah seperti mana yang diharapkan, bahawa apa pun usaha dalam kemajuan negara, di samping usaha untuk mengatasi apa jua cabaran pada masa ini dan masa akan datang adalah melalui pendekatan senegara.

"Dengan ini, saya amat percaya PKWE DBM secara khususnya akan meneruskan kemajuan dan kemakmuran yang telah diusahakan selama ini, dan yang paling mustahak, kekal sebagai

satu pusat yang cemerlang dan bermanfaat demi meraih yang terbaik untuk bangsa dan negara selaras dengan matlamatnya. InsyaaAllah," kata Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga mengalu-alukan pihak Pejabat Daerah dan Kementerian Kesihatan untuk meneruskan kerjasama bagi sama-sama meraih yang terbaik bagi golongan warga emas serta menyeru kepada warga emas untuk sama-sama berusaha untuk meningkatkan lagi statistik Program Vaksinasi Kebangsaan, khususnya Dos Penggalak sebanyak 74 peratus dan menaikkan jumlah ini kepada 100 peratus.

Tahlil dan Doa Kesyukuran sempena Penubuhan PKWE, DBM Yang Ke-9, dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh Imam Masjid Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, Awang Haji Khairul Ariffin bin Haji Yusof yang turut mengepalai bacaan Tahlil dan Doa Kesyukuran.

PKWE DBM ditubuhkan pada 12 Mac 2013, di mana Al-Marhum

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan merasmikan pusat berkenaan.

Penubuhan PKWE dihasrat menjadi platform untuk membolehkan warga emas untuk bergiat lebih aktif, terutamanya dalam menyumbang khidmat bakti yang berterusan kepada negara dan berfungsi sebagai satu pusat bagi warga emas menjalankan program serta aktiviti harian yang bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada golongan warga emas yang melibatkan kerjasama rakan strategik di antara agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan serta masyarakat setempat sebagai kaedah Whole of Nation.

Ia juga merupakan pusat dukungan masyarakat setempat (*community support centre*) bagi semua lapisan generasi yang memberikan akses secara inklusif, iaitu mengeratkan jalinan rangkaian di antara warga emas, belia, orang kelainan upaya dan masyarakat setempat.

PKWE juga bertujuan sebagai pusat menimba ilmu pengetahuan, mengisi masa lapang dan meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang, seperti riadah, keagamaan, kesihatan, sosial dan lain-lain ke arah mencapai matlamat-matlamat dalam Pelan Tindakan Warga Emas.

Pada masa yang sama, PKWE dihasrat untuk menyokong pembangunan warga emas melalui persekitaran yang membolehkan mereka meningkatkan kualiti hidup warga emas yang produktif dan berdikari melalui penuaan aktif (*active ageing*) menerusi penyediaan *community support centre*.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 25 Mei 2022
2. 'Pendidikan, Wadah Melahirkan Generasi Bijak Berfikir'. Tarikh Tutup : 1 Jun 2022
3. Belia Penggerak, Pendukung Pembangunan Negara'. Tarikh Tutup : 8 Jun 2022

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

KEKAYAAN PERBENDAHARAAN KATA BAHASA MELAYU-INDONESIA



SIRI Kongres Antarabangsa Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu sempena Bulan Bahasa (KABSBM) anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Brunei melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa telah diadakan secara maya melalui penstriman platform Facebook 'DBP Brunei' dan aplikasi Zoom.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mei. - Siri Kongres Antarabangsa Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu sempena Bulan Bahasa (KABSBM) anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Brunei melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa telah diadakan secara maya melalui penstriman platform Facebook 'DBP Brunei' dan aplikasi Zoom,

di sini.

Siri Pembentangan Ke-14 ini menampilkan pemakalah yang berasal dari Perancis, Jururunding Syarikat PrepAsia, Perancis iaitu Dr. Laurent Metzger.

Manakala Pengerusi Kongres pula ialah Pegawai Bahasa, DBP Brunei, Awang Raieham bin Mohd. Salleh. Kongres kali ini mengupas aspek bahasa dengan tajuk 'Kekayaan Perbendaharaan

Kata dalam Bahasa Melayu-Indonesia'.

Antara yang diuraikan ialah kekayaan perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu-Indonesia yang mempunyai pelbagai sifat yang sangat menarik dan bagaimana sesuatu peribahasa itu mempunyai kepelbagaian makna dari satu bahasa ke bahasa yang lain.

Dalam pembentangan tersebut,

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei

Dr. Laurent turut menyatakan bahawa dunia menghadapi ancaman daripada bahasa Inggeris yang dalam proses mempengaruhi semua bahasa termasuk bahasa Melayu-Indonesia dan Perancis.

Secara kesimpulannya, kertas kerja yang dibentangkan bertujuan untuk menunjukkan betapa luas perbendaharaan kata bahasa Melayu-Indonesia.

Seramai 128 orang pelayar menghadiri KABSBM secara maya yang terdiri daripada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Ahdin dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Turut hadir, Pemangku Pengarah DBP Brunei, Awang Suip bin Haji Abd. Wahab; Pemangku Timbalan Pengarah DBP Brunei, Dayang Hajah Sariyani binti Haji Ishak; para pemakalah dari dalam dan luar negara, rakan-rakan strategik DBP, pegawai-pegawai kanan kerajaan, para pencinta bahasa, sastra dan budaya dari dalam dan luar

negara.

Penyelenggaraan KABSBM dengan tema utama 'Bahasa Jiwa Bangsa' ini turut didukung bersama oleh rakan-rakan strategik DBP iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Majlis Belia Brunei (MBB), ASTERAWANI Brunei dan Kumpulan Putra Seni (KPS).

KABSBM dilaksanakan secara bersiri mulai 16 Mac hingga 22 Jun 2022 dengan pembentangan kertas kerja dua kali seminggu, iaitu setiap Isnin dan Rabu.

Kongres ini juga antara lain berobjektif untuk menggabungkan pakar-pakar bahasa, sastra dan budaya di peringkat antarabangsa dan tanah air dalam upaya untuk berkongsi pengetahuan, ilmu dan gagasan melalui dinamika pengetahuan, pengalaman dan tingkat kepakaran tertentu.

Seramai 23 pembentang makalah yang terdiri daripada tiga makalah ucapama dan 20 makalah iringan dijadualkan untuk membentangkan kertas kerja masing-masing sepanjang KABSBM.

Pameran ketengahkan bakat bakal graduan



Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

TUNGKU LINK, Isnin, 23 Mei. - Pameran Universiti Brunei Darussalam (UBD) Spectrum 2022 : INFINITE merangkumi pelbagai karya kreatif serta mempamerkan kemahiran setiap individu dan secara kolektif yang digabungkan dalam tempoh empat tahun pengalaman pembelajaran di universiti berkenaan.

Dengan membawakan moto 'Exploring The Unbounded Depth of Creativity', Spectrum 2022 : INFINITE juga berfungsi sebagai satu cara untuk pelajar mengekspresikan diri melalui disiplin kerja pilihan mereka.

Pameran yang dikendalikan oleh mahasiswa tahun akhir Program Reka Bentuk dan Industri Kreatif (DCI), UBD melibatkan 53 pelajar yang menghasilkan projek kreatif

masing-masing.

Karya yang dipamerkan terdiri daripada Seni Halus, Seni Digital dan Reka Bentuk, Pemasangan, Penghasilan Media sehingga ke Penerbitan, Reka Bentuk Produk, Seni Bina Konsep dan Rekaan Dalaman serta Reka Bentuk Fesyen.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan pameran yang mengambil tempat di Dewan Canselor, universiti berkenaan ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Spectrum 2022 : INFINITE juga memberi peluang kepada pelajar untuk mempamerkan bakat mereka, selain meningkatkan peluang kebolehpasaran untuk memperluaskan lagi peluang kerjaya mereka dalam industri kreatif selepas tamat pengajian.

Di samping itu, Gallery Talks juga turut diadakan setiap Isnin dan Khamis sepanjang tempoh sebulan bermula 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Setiap Gallery Talks akan menampilkan beberapa pelajar untuk berkongsi amalan kreatif dan artistik mereka dan proses di sebalik mencipta karya yang dipamerkan.

Pameran Spectrum 2022 : INFINITE dibuka kepada orang ramai bermula hari ini hingga 23 Jun 2022 dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 hingga 4.00 petang di Dewan Canselor, UBD.

Untuk maklumat lanjut mengenai pameran dan Gallery Talks, boleh melayari @ubdspectrum di Instagram dan Twitter atau berhubung melalui e-mel di ubdspectrum@gmail.com.



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) merasmikan Pameran UBD Spectrum 2022 : INFINITE, seterusnya menyaksikan antara karya yang dipamerkan (atas sekali dan atas), sementara gambar atas kanan, antara Pameran Spectrum 2022 : INFINITE yang dibuka kepada orang ramai bermula 23 Mei hingga 23 Jun 2022, dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 hingga 4.00 petang di Dewan Canselor, UBD.


KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

FIVE (5) YEARS TERM
CONTRACT FOR THE
FACILITIES MANAGEMENT
AND MAINTENANCE

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 05 / 2022 / 2023
[JPPE-MEI-2022]

Keterangan Tawaran :
FIVE (5) YEARS TERM
CONTRACT FOR THE
FACILITIES MANAGEMENT
AND MAINTENANCE
OF PRIMARY, SECONDARY
SCHOOLS AND SIXTH FORM
CENTRES IN BRUNEI MUARA
DISTRICT 2,
MINISTRY OF EDUCATION,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 06 / 2022 / 2023
[JPPE-MEI-2022]

Keterangan Tawaran :
FIVE (5) YEARS TERM
CONTRACT FOR THE

FACILITIES MANAGEMENT
AND MAINTENANCE OF
PRIMARY, SECONDARY
SCHOOLS, SIXTH FORM
CENTRE IN BRUNEI MUARA
DISTRICT 3 AND TEMBURONG
DISTRICT
(INCLUDING OFFICES),
MINISTRY OF EDUCATION,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 07 / 2022 / 2023
[JPPE-MEI-2022]

Keterangan Tawaran :
FIVE (5) YEARS TERM
CONTRACT FOR THE
FACILITIES MANAGEMENT
AND MAINTENANCE OF
PRIMARY, SECONDARY
SCHOOLS AND SIXTH FORM
CENTRES IN BRUNEI MUARA
DISTRICT 1,
MINISTRY OF EDUCATION,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 08 / 2022 / 2023
[JPPE-MEI-2022]

Keterangan Tawaran :
FIVE (5) YEARS TERM
CONTRACT FOR THE
FACILITIES MANAGEMENT
AND MAINTENANCE OF
PRIMARY, SECONDARY
SCHOOLS, SIXTH FORM
CENTRES AND OFFICES IN

BELAIT DISTRICT,
MINISTRY OF EDUCATION,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.

Kelas :
V & VI

Kelas :
PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Kategori :
B01, E01 SAHAJA

Yuran Tawaran :
BND2,000.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 19 Julai 2022
Tidak lewat jam 2.00 Petang


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas :
II & III SAHAJA

Kategori :
B01 SAHAJA

Bilangan :
JKR / DBSUAB001 / 2022

Nama Projek :
PENYEDIAAN PERKHIDMATAN
LAPORAN PENILAIAN
BANGUNAN BAGI BANGUNAN
KERAJAAN YANG BERDAFTAR
DI BAWAH JABATAN
PERKHIDMATAN BANGUNAN,
JABATAN KERJA RAYA,
BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Selasa,
21 Jun 2022,
jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN
DI DALAM

Kelas :
II & III

Kategori :
[KA01 - KOD BAHARU]

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 05 / BKTGS /
2022 - T / II

Nama Projek :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN
AKIBAT ENDAPAN DI
SEKOLAH RENDAH LUBOK
PULAU, DAERAH TUTONG

Tarikh Tutup Tawaran Pada :
21 Jun 2022
(Selasa)
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)


KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

THE DEVELOPMENT, SUPPLY,
DELIVERY, INSTALLATION,
TESTING, COMMISSIONING,
WARRANTY AND
MAINTENANCE

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 01 / 2022 / 2023
[ICT-APRIL-2022]

Keterangan Tawaran :
THE DEVELOPMENT, SUPPLY,
DELIVERY, INSTALLATION,
TESTING, COMMISSIONING,
WARRANTY AND
MAINTENANCE OF THE
NATIONAL EDUCATION
MANAGEMENT SYSTEM
(NEMS) FOR CENTRAL
ADMISSION SYSTEM (CAS)
FOR MINISTRY OF EDUCATION,
BRUNEI DARUSSALAM.

Kelas :
LOCAL BUSINESS
DEVELOPMENT :
HIGHLY SPECIALISED

Yuran Tawaran :
BND505.00
(Tidak dikembalikan)
[BND500.00 - Bayaran Yuran
Tawaran dan BND5.00 -
E-Dokumen tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
21 Jun 2022,
Tidak lewat jam
2.00 Petang


**KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA SERI
BEGAWAN**

PEMBERITAHUAN TAWARAN

Bilangan Tawaran :
KUPU SB / JKS(26) / 02-05 /
2022-2023

Tajuk Tawaran :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR PRINTER
BAGI PEJABAT RA'ES
KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA SERI
BEGAWAN

Tarikh Tutup Menghantar
Borang Tawaran :
Rabu, 8 Zulkaedah 1443H /
8 Jun 2022M
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

KENYATAAN TAWARAN

Bilangan Tawaran :
10 / JMM / S / 12 / 91 (2022/2023)

Tajuk Tawaran :
RENTAL AND OPERATING OF
CAFETERIA FOR DURATION OF
THREE (3) YEARS AT
BANGUNAN LAMA KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA,
BANDAR SERI BEGAWAN

Bilangan Tawaran :
11 / JMM / S / 12 / 91 (2022/2023)

Tajuk Tawaran :
RENTAL AND OPERATING OF
SOUVENIER SHOP FOR A
DURATION OF TWO (2) YEARS
AT BANGUNAN LAMA KASTAM
DAN EKSAIS DIRAJA,
BANDAR SERI BEGAWAN

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat
Selasa,
7 Jun 2022,
jam 2.00 Petang


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran :
JAPEM / Q / 2022 / WEPP / 01
(RE-Q)

Tajuk Tawaran :
PEMBEKALAN LAMPIN
PAKAI BUANG DAN
SUSU TEPUNG BAGI
KEPERLUAN WARGA
EMAS UNTUK
TEMPOH 3 TAHUN

Tarikh Tutup :
Selasa,
7 Jun 2022,
jam 2.00 Petang


**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

KENYATAAN TAWARAN

Bilangan Sebut Harga :
(11) INFO / PK / K / 7 (2022-2023)

Tajuk Sebut Harga :
PEMBEKALAN DAN
PEMASANGAN BINGKAI
(FRAME) DI RUANG
MENUNGGU SEKSYEN
KOMUNIKASI
STRATEGIK

Yuran :
Tidak dikenakan bayaran

Tarikh Tutup :
Rabu,
1 Jun 2022,
jam 2.00 Petang





**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

KENYATAAN TAWARAN

Bilangan Sebut Harga :
(12) INFO / PK / K / 7 (2022-2023)

Tajuk Sebut Harga :
MENCETAK PERISIAN
(INSERT) UNTUK
BINGKAI (FRAME)
BAGI RUANG MENUNGGU
SEKSYEN KOMUNIKASI
STRATEGIK

Yuran :
Tidak dikenakan bayaran

Tarikh Tutup :
Rabu, 1 Jun 2022,
jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

PEMBERITAHUAN TAWARAN

Bilangan Tawaran :
JBT / S / 04 / 2022-2023

Tajuk Tawaran :
Tawaran Pengurusan Dan
Pengendalian Gerai Perayaan
Sempena Ulang Tahun
Keputeraan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Yang Ke-76, Tahun 2022
Bagi Daerah Tutong dan
Sebut Harga Bagi
Kerja-Kerja Membekal
Dan Memasang Khemah
Ahli Jawatankuasa Gerai
Perayaan Beserta Kelengkapan

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu, 1 Jun 2022,
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA**

**BAHAGIAN BANGUNAN
DAN PEMELIHARAAN
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

Bilangan Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 036 / 2022

Tajuk Tawaran :
TENTAGE RENTAL AND
GENSET FOR MAJLIS IBADAH
QURBAN SUNAT BAGI
KEBAWAH DULI YANG MAHA
MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL
BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM
SULTAN HAJI OMAR 'ALI



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

KENYATAAN TAWARAN

Bilangan Tawaran :
25 / APRIL / KKBS / BKBN / PJD
/ 1.56 / 22

Tajuk Tawaran :
KONTRAK BAGI
PERKHIDMATAN PENYEDIAAN,
PEMBEKALAN DAN
PENYAJIAN MAKAN / MINUM
BAGI 'PROGRAM JATI DIRI'

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat
Selasa,
14 Jun 2022
jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN
PERTAHANAN**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / GRU /
TA / 003
PURCHASE OF COMBAT
BOOT & BLACK LEATHER
DMS BOOT OF VARIOUS
SIZES FOR GURKHA
RESERVE UNIT

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi

SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI
WADDIEN, SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM DAN
KERABAT BAGINDA
BAGI TAHUN 1443H / 2022M.

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
8 Jun 2022,
2.00 Petang

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Dikenakan bayaran)



**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**PEMBERITAHUAN
IKLAN TAWARAN**

Bilangan Tawaran :
JKBD / 2022 / SH-03

TAWARAN BAGI

TO SUPPLY, DELIVER, INSTALL,
UNINSTALL, REDESIGN,
REARRANGE BDMD SERVER
ROOM NETWORK STRUCTURE
FOR ALL HARDWARE, POWER
AND DATA CABLE
MANAGEMENT IN IT RACKS

Tarikh Tutup :
Rabu, 8 Jun 2022,
jam 2.00 Petang



menghubungi Unit Hasil,
JKP mengenai pembayaran
yuran tawaran adalah
seminggu sebelum tarikh tutup
bagi pembelian dokumen
tawaran iaitu 7 Jun 2022.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Jun 2022,
jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN
PERTAHANAN**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / LB / TA
/ 004

PEMBAIKAN PERALATAN
UAV DRONE TENTERA DARAT
DIRAJA BRUNEI

Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / LB / TA
/ 005

PERMOHONAN KERJA-
KERJA PENGUBAHSUAIAN
NISSAN MEDIUM BUS BG 3126
PEJABAT PERHUBUNGAN
MARKAS TENTERA DARAT
DIRAJA BRUNEI

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Jun 2022,
jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA
DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran :
13 / APR / 2022 / KKBS / PJK /
16.14 (18)

Tajuk Tawaran :
KONTRAK PEMELIHARAAN
PENGAL (24 BULAN)
BAGI KERJA-KERJA
PEMBERSIHAN DAN
PEMELIHARAAN BANGUNAN
DI KEMENTERIAN
KEBUDAYAAN, BELIA DAN
SUKAN (BANGUNAN,
LETAK KERETA, JALANRAYA
DAN KAWASAN)
DI SIMPANG 336-17,
JALAN KEBANGSAAN,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Tarikh Tutup :
Tidak lewat
Selasa
14 Jun 2022,
jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

**TAWARAN BAGI
PERKHIDMATAN KAWALAN
KESELAMATAN KE ATAS
BANGUNAN SEKOLAH-
SEKOLAH DAN MAKTAB-
MAKTAB,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 09 / 2022 / 2023
[AKS-MEI-2022]

Keterangan Tawaran :
TAWARAN PERKHIDMATAN
KAWALAN KESELAMATAN
KE ATAS BANGUNAN
SEKOLAH-SEKOLAH
DAN MAKTAB-MAKTAB,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAGI SEKOLAH MENENGAH
PEHIN DATU SERI MAHARAJA,
MENTIRI, DAERAH BRUNEI
MUARA, KEMENTERIAN
PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM BAGI
TEMPOH PERKHIDMATAN
DUA [2] TAHUN

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 10 / 2022 / 2023
[AKS-MEI-2022]

Keterangan Tawaran :
TAWARAN PERKHIDMATAN
KAWALAN KESELAMATAN
KE ATAS BANGUNAN
SEKOLAH-SEKOLAH DAN
MAKTAB-MAKTAB,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAGI SEKOLAH MENENGAH
SAYYIDINA ABU BAKAR,
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM BAGI TEMPOH
PERKHIDMATAN
DUA [2] TAHUN

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 11 / 2022 / 2023
[AKS-MEI-2022]

Keterangan Tawaran :
TAWARAN PERKHIDMATAN
KAWALAN KESELAMATAN
KE ATAS BANGUNAN
SEKOLAH-SEKOLAH DAN
MAKTAB-MAKTAB,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAGI MAKTAB ANTHONY
ABELL, SERIA,
DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM BAGI
TEMPOH PERKHIDMATAN
DUA [2] TAHUN

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Jun 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



PASTIKAN KURIKULUM USULUDDIN SENTIASA BERKEMBANG



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama berucap semasa merasmikan Multaqa Usuluddin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Mei. - Usuluddin perlu menjadi proaktif dan para ilmuwan yang mendalami bidang ini perlu menggunakan kaedah baharu bagi menarik masyarakat Islam selari dengan konteks semasa.

Oleh itu, golongan ilmuwan ini perlu memainkan peranan dengan menampilkan disiplin Usuluddin mengikut peringkat

tertentu, iaitu membezakannya dengan ilmu bersesuaian dengan orang awam dan ahli dalam bidang ini.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim seterusnya berkata, bagaimanapun perlunya ada inisiatif baharu seperti menggabungkannya dengan disiplin ilmu moden yang mempunyai kaitan dengannya, termasuk sains sosial, kaunseling dan psikologi.

Berucap semasa merasmikan Multaqa Usuluddin pagi tadi, Awang Haji Mohammad Rosli melahirkan rasa syukur kerana merujuk kepada tema seminar Multaqa, iaitu 'Kurikulum Usuluddin: Pemantapan dan Keberkesanan' dan melihat bahawa tradisi ilmu Usuluddin dikhawatiri tidak dapat dikembangkan dalam masyarakat khususnya generasi muda jika sekiranya penambahbaikan tidak diusahakan ahli atau pakar dalam bidang ilmu itu sendiri.

"Terdapat universiti yang sudah pun mengorak langkah menggabungkan bidang Usuluddin dengan pengajian lain, sekurang-kurangnya menjadi

tarikan dan memberi nilai tambah kepada pelajar terutama kebolehpasaran dalam industri pekerjaan.

"Dengan demikian, apabila mereka dapat melihat potensi pekerjaan selepas bergelar graduan, maka secara tidak langsung bidang Usuluddin berupaya untuk kembali mendapat tempat dalam pelajar," ujarnya pada majlis yang berlangsung di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Awang Haji Mohammad Rosli seterusnya menambah, ia disebabkan ada kekhawatiran pelajar sekiranya mengambil pengajian agama tulen, karier mereka terhad kepada guru atau pegawai agama, sekali gus sukar untuk mendapatkan pekerjaan dalam pelbagai sektor atau industri lain.

Pelbagai perkara yang diutarakan itu katanya lagi, menjelaskan kepada kita bahawa kurikulum Usuluddin hendaklah sentiasa berkembang dan tidak beku malah sentiasa peka terhadap tuntutan dan keperluan semasa bagi menjamin kualiti pengajian bidang Usuluddin itu sendiri secara khasnya, bahkan

Berita dan Foto: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

sesuai dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Wawasan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang mempunyai rakyat berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berjaya.

"Alhamdulillah, Fakulti Usuluddin telah pun menampilkan usaha ke arah pemantapan pelbagai bidang pengajiannya dengan melaksanakan dan merancang pelbagai kursus yang baharu bagi tujuan mengembangkan

ilmu Usuluddin serta menambah baik selari dengan konteks semasa.

"Di samping itu, dengan adanya pelbagai aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh KUPU SB melalui Fakulti Usuluddin seperti hari ini telah membuktikan adanya usaha dan kerjasama serta sumbangan ke arah penambahbaikan dan penyelarasan bidang pengajian Usuluddin agar ia sentiasa relevan dan diterima pakai bukan hanya sekadar di peringkat Negara bahkan di peringkat global," ujarnya lagi.

■ **GOLONGAN** ilmuwan ini perlu memainkan peranan dengan menampilkan disiplin Usuluddin mengikut peringkat tertentu, iaitu membezakannya dengan ilmu bersesuaian dengan orang awam dan ahli dalam bidang ini.

■ **KURIKULUM** Usuluddin hendaklah sentiasa berkembang dan tidak beku malah sentiasa peka terhadap tuntutan dan keperluan semasa bagi menjamin kualiti pengajian bidang Usuluddin itu sendiri secara khasnya, bahkan sesuai dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Wawasan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang mempunyai rakyat berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berjaya.

Mantapkan ilmu Usuluddin pensyarah, pelajar

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Mei. - Ra'ies Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) membangkitkan beberapa isu dalam kurikulum Usuluddin yang perlu penilaian semula, iaitu dari segi matlamat pelajaran Usuluddin yang perlu diperjelaskan agar dapat membina personaliti pelajar yang berjiwa Melayu Islam Beraja (MIB).

Dr. Haji Adanan bin Haji Basar ketika menyampaikan kertas ucapnama pada Seminar Multaqa Usuluddin di KUPU SB menjelaskan, perlunya penggubalan semula sukatan pelajaran sesuai dengan pertumbuhan dan perkembangan pelajar remaja secara holistik.

Antaranya, aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang divariasikan dengan penggunaan multimedia, media sosial dan merujuk kepada potensi pelajar.

Dr. Haji Adanan seterusnya menyatakan agar memperkemas pendekatan pentaksiran, iaitu dari segi pemarkahan, penilaian berterusan berasaskan projek dan penilaian berasaskan keterlibatan pelajar.

Tambahnya lagi, dengan merujuk kepada sistem pengajian Islam yang menunjukkan kedudukan pelajaran Usuluddin dalam peringkat pendidikan tertentu menunjukkan perlunya penilaian dibuat agar agama menjadi pelajaran teras bagi pendidikan pelajar di semua peringkat umur.

"Kurikulum Usuluddin perlulah selaras dengan matlamat pendidikan yang secara umumnya adalah bagi mencapai matlamat individu pendidikan Islam dari segi

rohani, akhlak, akal, jasmani, masyarakat, kerjaya juga dakwah dan jihad.

"Hal ini adalah kerana dalam abad ke-21, banyak keperluan bagi mendepani globalisasi dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai menggunakan pengajaran sepanjang hayat yang mencakupi kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar dan inovasi serta kemahiran hidup dan kerjaya", katanya lagi.

Perasmian majlis tersebut disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Terdahulu, wakil Pengerusi Seminar, Dr. Norasimah binti Haji Omar berkata tema seminar adalah bagi menyahut cabaran isu serantau terhadap masalah yang telah timbul dalam bidang pengajian Usuluddin di pelbagai peringkat.

Cabaran itu tegasnya lagi menyebabkan kemerosotan jumlah pelajar kerana sambutan program yang ditawarkan kurang mendapat sambutan.

"Maka perlunya pemantauan, penelitian serta penilaian semua terhadap sukatan pelajaran Usuluddin dan Syariah selain membuat penambahbaikan sama ada dari aspek penyediaan kursus-kursus yang relevan dengan isu, kehendak semasa," katanya lagi.

Selain itu, Dr. Norasimah juga turut menyatakan, para ilmuwan Usuluddin juga perlu didedahkan dengan kaedah pengajaran yang lebih praktikal bagi memudahkan penguasaan dalam pengajaran serta pembelajaran secara lebih berkesan yang melibatkan penggabungan disiplin ilmu moden yang bertujuan menarik minat pelajar.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Seminar Multaqa Usuluddin di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Seminar yang bertemakan 'Kurikulum Usuluddin: Pemantapan dan Keberkesanan' kali ini merupakan acara tahunan Fakulti Usuluddin yang bertujuan untuk memantapkan dan mendalami ilmu pengetahuan dan pengajian Usuluddin dalam kalangan pensyarah dan pelajar, di samping dapat menyelaras serta menambah baik kurikulum Usuluddin di peringkat pra-universiti di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan bagi memenuhi keperluan asas para pelajar.

Sepanjang berlangsung selama dua hari, seminar diisikan dengan dua kategori penyampaian kertas kerja, iaitu pembentangan kertas kerja termasuk pembentangan ucapnama dan lima kertas kerja oleh tenaga akademik KUPU SB

terdiri daripada Profesor Dr. Ali Sayed Abdel Hameed Youseff El-Syimi; Dr. Mikdar Rusdi; Dr. Norasibah binti Haji Besar; Dr. Norasimah binti Haji Umar; dan Dr. Matussein bin Haji Jumat.

Sementara itu, pembentangan seminar berbentuk forum yang ahli panelnya terdiri daripada Profesor Madya Fakulti Pendidikan, KUPU SB, Profesor Madya Dr. Mohd Zahiri bin Awang Mat; Penguasa Pelajaran Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Pengiran Abdul Razak bin Pengiran Haji Metahir, selaku wakil KHEU; dan Pegawai Pelajaran Kanan, Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Haji Rozaidi bin Haji Mohammad Daud, selaku wakil Kementerian Pendidikan.

Para peserta seminar adalah disasarkan kepada tenaga pengajar dari Jabatan Pengajian

Islam; guru di Pusat Tingkatan Enam seluruh Negara; para pegawai dari institusi pendidikan tinggi di Negara Brunei Darussalam; dan Jabatan Peperiksaan, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan; serta Bahagian Kurikulum dan Bahagian Peperiksaan, Jabatan pengajian Islam; Jama'at dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Seminar Multaqa Usuluddin tersebut diharapkan akan dapat memantapkan dan mendalami ilmu pengetahuan dan pengajian Usuluddin para pensyarah dan pelajar selain untuk menyelaraskan kurikulum Usuluddin di peringkat pra-universiti di bawah KHEU dan Kementerian Pendidikan untuk memenuhi keperluan asas para remaja.

PERHALUSI SEMBAHYANG DENGAN SEMPURNA



ANTARA peserta pada Bengkel Kesempurnaan Sembahyang merupakan acara iringan sempena Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara yang diungkayahkan oleh Bahagian Kemajuan Syiar Islam sejak tahun 1433 Hijrah / 2012 Masihi lalu (atas dan bawah).

■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Isnin, 23 Mei. - Bengkel Kesempurnaan Sembahyang merupakan acara iringan sempena Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara yang diungkayahkan oleh Bahagian Kemajuan Syiar Islam sejak tahun 1433 Hijrah / 2012 Masihi lalu.



Sehubungan itu, Majlis Pembukaan Bengkel, yang diadakan selama tiga hari, diadakan baru-baru ini, di Pusat Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh, Daerah Brunei dan Muara, di sini.

Hadir selaku fasilitator bagi bengkel berkenaan, Pegawai Pemantau Zon, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Haji Mohd. Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar @ Mokti bagi peserta lelaki dan Bahagian Keagamaan, Pertubuhan WARGAMAS Brunei (Da'ie Bertauliah MUIB), Dayang Hajah Sinega binti Haji Swadi.

Pegawai Pelajaran Ugama Kanan, Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Awang Hassan Baha bin Haji Umar semasa ditemu bual oleh media menjelaskan objektif bengkel berkenaan, untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan melaksanakan sembahyang dengan betul walau di mana sahaja berada.

Bengkel Kesempurnaan Sembahyang ini adalah diharapkan dapat dilaksanakan dengan

mencapai matlamat dan objektifnya, terutama memperoleh ilmu yang bermanfaat bagi diri serta keluarga dan dikongsikan kepada rakan-rakan, ujananya.

Bengkel pada hari kedua pula akan diadakan di Pos Dakwah, Kampung Selapon, Daerah Temburong dan pada hari ketiga akan diadakan di Bintudoh Greenspring, Jalan Bukit Sulang, Kampung Lamunin, Daerah Tutong.

Manakala, Majlis Penyampaian Sijil Bengkel akan diadakan di Dewan Multaqa, KHEU.

Bengkel diungkayahkan oleh Bahagian Kemajuan Syiar Islam selaku Urus Setia Majlis Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan dengan kerjasama Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran, KHEU serta disokong oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiah, Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong serta Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong.

Bengkel Kesempurnaan



PEGAWAI Pelajaran Ugama Kanan, Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Awang Hassan Baha bin Haji Umar semasa ditemu bual.

Sembahyang, antaranya mengenai 'Kesempurnaan Wudhu dan Tayammum' serta 'Sembahyang Dari Segi Teori dan Praktikal dan Menghalusi Bacaan Surah Al-Fatihah juga Sembahyang dalam Keadaan Tertentu, Khususnya Pembentangan Kaifiat Penyempurnaan Jenazah'.

86 pain darah berjaya dikumpulkan



AWANG Haji Aminuddin dari Kampung Dato Gandhi semasa menyertai Kempen Derma Darah anjuran Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan dengan sokongan Pusat Membeli-Belah OneCity, Salambigar (atas), sementara gambar kanan, Awang Embran Haji Abdul Salim dari Kampung Batu Bersurat semasa ditemu bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mei. - Kempen Derma Darah anjuran Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan dengan sokongan Pusat Membeli-Belah OneCity, Salambigar berjaya mengumpulkan sebanyak 86 pain

darah setelah diadakan selama dua hari, pada Sabtu, 21 Mei 2022 dan Isnin, 23 Mei 2022.

Kempen Derma Darah tersebut dibukakan kepada orang ramai dan pengunjung bermula jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang, yang menepati syarat-syarat untuk menderma, iaitu setelah status kesihatan diperiksa dan tahap hemoglobin dalam darah yang cukup.

Seorang penderma darah yang ditemui, Awang Haji Aminuddin dari Kampung Dato Gandhi mendapat tahu mengenai Kempen Derma Darah tersebut melalui aplikasi BloodKad dan telah menempah slot dalam aplikasi tersebut sebelum hadir untuk menderma.

Aplikasi BloodKad tersebut, menurutnya, memudahkan beliau untuk memilih tempat menderma dengan masa yang fleksibel, dibandingkan dengan menderma secara walk-in di hospital.

Seorang lagi penderma yang sempat ditemui, Awang Embran Haji Abdul Salim dari Kampung Batu Bersurat pula berkata, beliau secara kebetulan mengunjungi pusat membeli-belah tersebut dan

■ Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

mendapati ada Kempen Derma Darah sedang berlangsung. Beliau merupakan seorang penderma yang kerap sejak tahun 2021.

Pusat Pendermaan Darah sentiasa mengalu-alukan penganjuran Kempen-kempen Derma Darah oleh pelbagai agensi dan syarikat serta persatuan untuk mengekalkan bekalan darah yang cukup setiap masa bagi kegunaan kecemasan pesakit-pesakit yang memerlukan.

Setiap penderma terlebih dahulu diperlukan untuk mengisi borang soal selidik kelayakan penderma darah bagi memastikan pendermaan tersebut selamat untuk kedua-dua penderma dan penerima.

Penderma juga akan diberikan Kit Ujian Pantas Antigen (ART) sebagai langkah berjaga-jaga dalam situasi COVID-19 masa ini.

Selain pemberitahuan memerlukan bekalan darah melalui aplikasi, pihak Pusat Pendermaan Darah juga akan menghubungi bekas-

bekas penderma untuk menderma jika sudah waktunya, untuk menempah slot dan tempat pendermaan darah, sama ada di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha atau Jerudong Park Medical Centre.



LATIHAN MARA LASAK PPDB - 26 MEI

■ Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengadakan Latihan Mara Lasak, pada Khamis, 26 Mei 2022 ini.

Menurut Siaran Akhbar PPDB, latihan tersebut akan diadakan pada jam 9.00 malam hingga selesai, bermula dari Pos Polis Sungai Tujuh, Kuala Belait hingga Perhentian TOL Rasau, Jalan Sungai Teraban, Kuala Belait.

Sehubungan itu, orang ramai yang tinggal berdekatan dan melalui jalan tersebut supaya tidak berasa cemas semasa latihan dijalankan.

166 graduan MIC diraikan

■ Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

>> Muka 11

"Saya turut difahamkan MIC juga telah berjaya menjadi salah sebuah Institusi Pendidikan Swasta yang diiktiraf sebagai IBTE Approved Centre dengan memperkenalkan tiga program baharu IBTE yang akan dijalankan pada tahun ini oleh pihak MIC.

"Program-program tersebut adalah NTec in Business and Administration, HNTec in Office Administration dan HNTec in Business and Finance.

"Kerjasama berterusan di antara institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta seperti ini akan dapat memberikan kesan sinergi dalam menyediakan kepelbagaian program-program yang berkualiti tinggi di masa akan datang selaras dengan Matlamat Strategik Ketiga Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018 - 2022, iaitu melibatkan pihak yang berkepentingan bagi perkongsian akauntabiliti dalam kemajuan pembelajaran pelajar.

"Kementerian Pendidikan menyambut baik usaha sama ini dan percaya, bahawa segala usaha ini berpotensi untuk mengukuhkan lagi hubungan kerjasama di antara institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta di negara ini, yang dilihat mampu memperkembangkan serta memperluaskan lagi peluang kepada pelajar-pelajar untuk melanjutkan pengajian dalam bidang-bidang program yang dapat memenuhi keperluan tenaga kerja dalam industri pekerjaan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, usaha-usaha sedemikian dapat dijadikan sebagai salah satu amalan terbaik bagi institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta lain, untuk turut sama dalam mewujudkan kolaborasi bagi mempelbagaikan lagi bidang program secara holistik, seperti program peningkatan kemahiran (*upskilling*) dan latihan kemahiran semula (*reskilling*) serta program pembelajaran sepanjang hayat, khususnya dalam memenuhi keperluan sumber tenaga manusia di negara ini.

"Dalam jangka masa panjang, usaha sama seperti ini akan dapat mengharmonikan ekosistem bidang pendidikan, khususnya pengajian tinggi di negara ini yang mana akan memberikan manfaat kepada pihak-pihak berkepentingan," ujar Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menyeru para graduan agar memanfaatkan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh di sepanjang mengikuti pengajian di MIC.

Menurutnya, para graduan perlu sentiasa bersedia untuk mengharungi apa jua bentuk cabaran yang akan dihadapi sama ada semasa mencari pekerjaan mahupun ketika sudah berada di alam pekerjaan.

Majlis disusuli dengan ucapan tamat pengajian yang disampaikan oleh Wakil Pelajar, Muhamad Raziq Aiman bin Haji Rosman, antara lain mengongsikan pengalaman beliau sepanjang menjalani pengajian, di kolej tersebut.

MIC adalah rakan satelit Universiti Teknologi Brunei (UTB) dalam menawarkan Program Laluan Kemasukan Ijazah Sarjana Muda BriCOMP selama 14 minggu kepada para pelajar lepasan 'A' Level atau IB yang kekurangan mata minimum bagi memenuhi kelayakan kemasukan ke UTB dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pengkomputeran.

MIC juga menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda UTB dalam Pengkomputeran (Major dalam Keselamatan Rangkaian dan Multimedia)

Pendaftaran bagi pengambilan Oktober 2022, di MIC pada masa sekarang dibukakan

Orang ramai boleh mengunjungi Laman Sesawang Rasmi MIC, di www.micronet.com.bn atau menghubungi menerusi talian +673 2451233 (Micronet Gadong Campus) atau +673 2611133 (Micronet Jerudong Campus) untuk maklumat lebih lanjut.

Bagi maklumat terkini mengenai program-program yang ditawarkan MIC, orang ramai juga boleh melayari laman media sosial kolej berkenaan di Facebook, *Micronet Brunei* atau Instagram, *MicronetBruneiG*.



Kenali Bahasa Brunei

Babagang bermaksud berketul atau bergumpal.

Contoh pemakaian kata : dami bapa maumban pakai balacan ***babagang*** atu, bakinjatan bah ambuk-ambukan ah bagaru.

Babagang-bagang bermaksud berketul-ketul atau bergumpal-gumpal.

Contoh pemakaian kata : ***babagang-bagang*** nasi atu, cubatah diara-arai.

Bahal bermaksud rasa air yang payau atau agak masin.

Contoh pemakaian kata : nyaman aing jam-jam atu diminum masa di Mekah, tapi udah babawa balik ka Brunei, macam ***bahal*** tia rasanya.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



Kampung Sungai Belukut



Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Ayam Masak Mentega Susu

BAHAN-BAHANNYA :

Isi ayam (ikut suka)
Lada padi (ikut suka)
2 batang daun kari
2 sudu makan mentega
1 sudu kecil serbuk kunyit
2 sudu makan susu manis
2 sudu makan susu cair
Sedikit air
Sedikit bahan perasa (secukup rasa)
Setengah sudu kecil tepung kanji

CARA-CARANYA :

Isi ayam dipotong panjang dan digoreng hingga masak.

CARA MEMBUAT KUAH :

Masukkan mentega lalu tumis daun kari dan lada padi sehingga naik bau dengan menggunakan api kecil.

Setelah itu masukkan susu cair, susu manis dan serbuk kunyit, lalu gaul adunan tersebut

hingga sebat.

Jika adunan tersebut terlalu manis atau pekat, masukkan air sedikit demi sedikit ke dalam adunan tersebut dan masukkan bahan perasa secukupnya.

Untuk mengentalkan adunan kuah tersebut, masukkan tepung kanji sebanyak setengah sudu kecil dan gaul hingga sebat. Masukkan ayam yang digoreng ke dalam kuah dan hidangkan.

18,495 KESALAHAN JALAN RAYA DICATATKAN PADA TAHUN 2021

■ Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Mei. - Statistik kesalahan lalu lintas jalan raya oleh Jabatan Siasatan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL) mendapati sebanyak 18,495 kesalahan lalu lintas jalan raya dicatatkan hasil daripada 2,533 operasi penguatkuasaan yang dijalankan pada tahun 2021.

Manakala, sebanyak 3,545 kesalahan telah direkodkan hasil daripada 486 operasi penguatkuasaan sehingga April tahun 2022 ini.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Pemangku Pengarah JSKLL, Pasukan Polis Diraja Brunei

(PPDB), Snr. Supt. Haji Mohammad Azrie bin Haji Talip, pada Sidang Media Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR).

Lima daripada 10 kesalahan utama yang direkodkan tambahannya, adalah memasang tabir (*sunshade*) gelap; mengubah suai kenderaan daripada yang asal; tidak memakai tali pinggang keselamatan semasa memandu; Lesen Memandu yang mansuh, serta meletakkan kereta (parking) bukan di tempat yang dihaskan.

PPDB juga bekerjasama dengan pihak MKKJR, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Hal Ehwal Masjid

dalam melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan keselamatan jalan raya, antaranya dengan mengadakan pemeriksaan di beberapa buah masjid di Daerah Brunei dan Muara bagi mengenal pasti pelbagai kemudahan dan tahap keselamatan para pengguna jalan raya di persekitaran masjid-masjid berkenaan.

Hasil lawatan tersebut mencadangkan beberapa tindakan penambahbaikan seperti menambah dan menyediakan lorong atau *pavement* bagi pejalan kaki, menukar Centre Red Median kepada Road Red Median dan memasang *rumble strip* di hadapan jalan masjid berkenaan.

Turut hadir pada sidang media



SIDANG Media Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya bagi membarigakan statistik kemalangan jalan raya 2021 dan suku pertama tahun 2022, dan statistik kesalahan lalu lintas jalan raya diadakan di bangunan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

tersebut, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Haji Mohd

Salihin bin Haji Aspar, selaku Setiausaha MKKJR.

Majlis berlangsung di Bangunan MTIC, Jalan Dewan Majlis.

Gagal patuhi peraturan punca kes kehilangan nyawa

■ **HASIL** penelitian ke atas statistik tersebut jelasnya, mendapati beberapa penemuan seperti golongan tertinggi yang terlibat dalam kes kemalangan tersebut terdiri daripada pemandu lelaki berumur antara 18 hingga 38 tahun, dan jumlah pemandu yang baharu lulus Ujian Lesen Memandu dalam tempoh satu kedua tahun juga adalah tinggi.

■ **ANTARA** punca kes melibatkan kehilangan nyawa adalah disebabkan kegagalan pemandu mematuhi peraturan jalan raya, seperti melanggar lampu merah, gagal menggunakan tali pinggang keledar dan tidak mematuhi arahan lalu lintas jalan raya.

■ **ANTARA** usaha tersebut adalah dengan pemasangan Variable Message Sign (VMS) oleh pihak Jabatan Kerja Raya di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin; pemasangan *rumble strip*; tanda-tanda had laju dan tanda memperlambatkan kelajuan di beberapa lokasi *hot spot* tersebut.

■ **SISTEM** Road Accident Data Enhancement Development (RADED) juga akan dinaiktaraf dengan memasukkan fungsi *data analytics* bagi memudahkan penganalisaan dan mendapatkan maklumat dengan tepat dan teratur bagi merancang pelaksanaan dasar dan tindakan yang bersesuaian.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Mei. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta dan persatuan-persatuan berkenaan akan terus mengadakan pelbagai program dan inisiatif sebagai usaha

berterusan untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya dan mengurangkan kadar kemalangan di negara ini, terutama sekali yang melibatkan kematian dan kecederaan.

Antara inisiatif tersebut ialah dengan meneruskan taklimat Program Kesedaran Keselamatan

Jalan Raya yang melibatkan sektor awam dan swasta dengan perkongsian perangkaan kemalangan dan memfokuskan kepada etika pemanduan, serta pembarigaan secara berterusan mengenai budaya keselamatan jalan melalui media massa, seperti televisyen dan radio, media sosial, kaunter-kaunter kerajaan dan laman sesawang dan juga melalui Khutbah Jumaat.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Haji Mohd Salihin bin Haji Aspar, selaku Setiausaha MKKJR semasa Sidang Media yang berlangsung di bangunan MTIC, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Turut dikongsikan pada majlis tersebut, statistik kemalangan jalan raya pada tahun 2021, iaitu sebanyak 2,812 kes, dengan 343 kes melibatkan kecederaan ringan dan parah, manakala 16 daripadanya melibatkan kehilangan nyawa.

Sementara pada suku pertama tahun 2022, telah dicatatkan sebanyak 315 kes, dan tujuh daripadanya mengakibatkan kehilangan nyawa.

Hasil penelitian ke atas statistik tersebut jelasnya, mendapati beberapa penemuan seperti golongan tertinggi yang terlibat dalam kes kemalangan tersebut terdiri daripada pemandu lelaki berumur antara 18 hingga 38 tahun, dan jumlah pemandu yang baharu lulus Ujian Lesen Memandu dalam tempoh satu kedua tahun juga adalah tinggi.

Selain itu, antara punca kes melibatkan kehilangan nyawa adalah disebabkan kegagalan pemandu mematuhi peraturan jalan raya, seperti melanggar lampu merah, gagal menggunakan tali pinggang keledar dan tidak mematuhi arahan lalu lintas jalan raya.

Pada masa yang sama, MKKJR melalui pelbagai agensi yang berkaitan juga telah dan akan terus melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan ke atas infrastruktur-infrastruktur jalan raya, khususnya kawasan yang sering berlakunya kemalangan atau *hot spot*.

Antara usaha tersebut adalah dengan pemasangan Variable Message Sign (VMS) oleh pihak Jabatan Kerja Raya di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin; pemasangan *rumble strip*; tanda-tanda had laju dan tanda

memperlambatkan kelajuan di beberapa lokasi *hot spot* tersebut.

Sistem Road Accident Data Enhancement Development (RADED) juga akan dinaik taraf dengan memasukkan fungsi *data analytics* bagi memudahkan penganalisaan dan mendapatkan maklumat dengan tepat dan teratur bagi merancang pelaksanaan dasar dan tindakan yang bersesuaian.

MKKJR mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk melaporkan atau mengongsikan sebarang maklumat berkaitan kesalahan lalu lintas dan keselamatan jalan raya melalui Talian Darussalam 123 atau melalui Whatsapp +673 8333123.

Dengan kerjasama ini, akan dapat membantu pihak MKKJR mengambil tindakan segera demi mengurangkan dan mengelakkan kemalangan jalan raya daripada berlaku.

MKKJR juga ingin menasihatkan orang ramai untuk sentiasa meningkatkan keselamatan semasa berada di jalan raya dengan mematuhi undang-undang dan peraturan lalu lintas yang telah ditetapkan, serta memastikan kenderaan sentiasa berada dalam keadaan selamat untuk dipandu.

Dikompaun miliki daging mentah tanpa permit import halal

■ Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SEI BEGAWAN, Selasa, 24 Mei. - Sebuah kedai runcit, iaitu Rahmat Sdn. Bhd. yang terletak di Kampung Lupak Luas, Jalan Lumapas dikenakan denda kompaun sebanyak BND900 kerana melakukan kesalahan menjual 100.277 kilogram daging mentah tanpa permit import halal.

Hasil daripada siasatan, peniaga kedai runcit berkenaan menerima daging mentah daripada orang awam tanpa memeriksa sumber kehalalannya.

Kes tersebut adalah hasil operasi yang dijalankan oleh para Pegawai Penguatkuasaan, Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMh) di Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) dan Jabatan

Kastam dan Eksais Diraja berikutan aduan daripada orang awam mengenai aktiviti penjualan daging mentah diragui kehalalannya di kedai runcit berkenaan.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menegaskan kepada para peniaga untuk memastikan daging-daging mentah yang diterima daripada para pembekal adalah daripada pembekal atau pengimport yang mempunyai sijil halal dan permit import halal.

KHEU juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih atas maklumat berhubung perkara tersebut dan bagi orang ramai yang ingin membuat pengaduan serta perkongsian

maklumat mengenai sebarang pelanggaran undang-undang melibatkan daging halal bolehlah dibuat terus ke JHES melalui BKMh dengan menghubungi talian hotline +673 7166222 atau mana-mana pejabat BKMh di setiap daerah.

BKMh, JHES bersama-sama agensi penguatkuasaan lain akan sentiasa meningkatkan rondaan dan operasi bagi memastikan undang-undang dan peraturan-peraturan di negara ini sentiasa dipatuhi.

RAHMAT Sdn. Bhd. yang terletak di Kampung Lupak Luas, Jalan Lumapas dikenakan denda kompaun sebanyak BND900 kerana melakukan kesalahan menjual daging mentah tanpa permit import halal.



MUKA 2

PELITA BRUNEI, Rabu 16 May, 1962.

BULAN BAHASA DI-BRUNEI:

DI-LANCHARKAN SA-CHARA BESAR2AN

MULAI 2 JULY 1962

BANDAR BRUNEI — BULAN BAHASA sa-bagai gerakan kedua dalam langkah Kerajaan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu kepada penduduk2 negeri ini yang akan di-lancharkan dalam bulan July hadapan ini di-bahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama di-lancharkan tertumpu kepada da'erah2 dan peringkat kedua di-lancharkan bagi negeri atau kebangsaan.

- Peringkat Pertama — akan diadakan dari 2 hingga 8 July;

- Peringkat Kedua — akan diadakan dari 23 hingga 29 July.

Masa di-antara peringkat pertama dan kedua (dari 9 hingga 22 July) itu akan di-adakan juga gerakan2 keseluruhan-nya bagi mengukir dan memastikan keadaan2 pelancaran mengenai Bulan Bahasa di-da'erah2.

Dalam jangka itu juga, penggunaan bahasa Melayu akan berjalan terus dan akan di-perhebat dengan mengadakan kempen. Peraduan2 nyanyi, bahath, sharahan dan sandiwara tidak akan di-adakan pada masa itu.

Perkara2 tersebut telah dipersetujui dalam Meshuarat Jawatan Kuasa Pusat Bulan Bahasa yang berlangsung di-dewan Sekolah Melayu Raja isteri Fatimah Bandar Brunei pada 26 April yang lalu, di-pengerusikan oleh Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Md. Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Omar.

Lain2 keputusan yang di-ambil dalam meshuarat itu ialah:

Mengadakan lagu Bulan Bahasa yang baharu, yang akan di-perdengarkan sa-belum dan dalam Bulan Bahasa di-lancharkan dengan melalui siaran Radio dan lain2.

Meminta pehak yang berkuasa Jabatan Pos, mengadakan chop khas yang mengandungi kata2 menggalakkan bahasa Melayu dan di-chapkan pada tiap2 sampul surat dan kiriman am-nya sa-lama Bulan Bahasa di-lancharkan.

Meminta kepada akhbar2 tempatan supaya menyiarkan chogan2 kata yang menggalakkan penggunaan bahasa Melayu.

Menggalakkan semua Jabatan2

Kerajaan, sharikat2 perniagaan dan pertubuhan2 supaya menggunakan bahasa Melayu dengan sa-luas2-nya.

Meminta pehak yang berkenaan supaya tanda2 jalan raya, papan2 Kenyataan jalan raya dan papan2 nama pejabat atau jabatan, gudang2 perniagaan dan kedai2, di-tulis dalam bahasa Melayu.

Menetapkan tanda kenangan yang akan di-bahagikan menerusi sekolah2, pertubuhan2 dan tempat2 hiburan sa-umpama panggong wayang dan lain2.

Mengadakan poster2, kain2 chogan kata dan sa-bagai-nya, untuk di-rentang dan di-lekatkan di-mana2 yang perlu. Poster2 kecil akan di-tampilkan di-kerita.

Mendirikan batu peringatan di-Bandar Brunei dan Kuala Belait yang bertulis: "GUNA-KAN-LAH BAHASA KEBANGSAAN — BAHASA MELAYU".

Meminta pehak Jabatan Radio Brunei membuat pengumuman ringkas untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu bagi siaran2-nya.

Mengadakan "pamiran atau pesta buku2" pada peringkat kedua Bulan Bahasa.

Meminta kepada pertubuhan2 supaya menyertai Bulan Bahasa.

Mengadakan Istiadat Pembukaan Bulan Bahasa peringkat pertama dan kedua dengan mengadakan ikrar bagi mengakui bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi di-negeri ini.

Mengadakan sandiwara khas sambutan Bulan Bahasa yang dapat di-dengar dan di-pertunjukkan dalam Bulan Bahasa peringkat kedua.

Mengechap risalah yang mengandungi tiga bahasa (Melayu, Inggeris dan China) yang me-

ngandungi penerangan dan tujuan2 Bulan Bahasa di-adakan. Risalah2 ini akan di-bahagikan dengan perchuma.

Menjemput tokoh2 bahasa dalam dan luar negeri memberi cheramah atau sharahan berhubung dengan perkembangan bahasa.

Mengadakan peraduan2 sharahan, berbalas pantun, sha'er, nyanyi, sajak, karangan dan bahath untuk pelajar2 sekolah rendah dan menengah mula2 peringkat da'erah bagi Bulan Bahasa peringkat pertama dan peringkat kebangsaan bagi Bulan Bahasa peringkat kedua.

Mengadakan peraduan melukis poster bagi menggalakkan penggunaan bahasa Melayu kepada semua peringkat dan poster2 itu akan di-pamirkan kepada orang ramai dalam Bulan Bahasa peringkat kedua.

Beberapa orang telah di-lantek untuk menyelenggarakan bahagian2 tertentu dalam melaksanakan Bulan Bahasa itu.

Mereka itu ialah:

Pengerusi Lagu Bulan Bahasa — Inche' Awang Besar bin Sagap dan Inche' Md. Som bin Hashim; Pengerusi Kempen dan Penerangan — Y.B. Dato Setia Pengiran Haji Md. Yusuf, Inche' Md. Salleh bin Abdul Kadir dan Inche' Ahmad bin Haji Abdul Aziz. Pengerusi Pamiran Buku — Inche' Md. Husain bin Md. Yusuf;

Pengerusi Upacara Pembukaan — Y.B. Inche' Shahbuddin bin Saleh dan Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid; Pengerusi Sandiwara — Inche' Wahab bin Muhammad dan Inche' Zulkifli bin Haji Abdullah.

Pengerusi Menjemput Tokoh2 Bahasa — Inche' Noordin bin Abd. Latif; Pengerusi Peraduan2 — Inche' Md. Yusuf bin Tahir dan Inche' Md. Husain bin Zainal; Pengerusi Peraduan Melukis Poster — Inche' Md. Husain bin Md. Yusuf; Pengerusi Menyusun Buku Rancangan — Inche' Sabtu bin Muhammad dan Inche' M. Ali Tamin dan Pengerusi Istilah — Inche' Jaya bin Abd. Latif dan Inche' Hamdani bin Abd. Rahman.

Meshuarat itu juga mengambil keputusan supaya pengerusi tiap2 bahagian akan melantek beberapa orang lagi sa-bagai penolong-nya untuk menjadikan jawatan kuasa kecil melaksanakan tugas tiap2 bahagian itu.

Satu Jawatan Kuasa Da'erah akan di-tubuhkan untuk menyelenggarakan Bulan Bahasa peringkat pertama yang di-tumpukan pada tiap2 da'erah itu yang akan bertanggung jawab bagi da'erah-nya masing2. Jawatan Kuasa Da'erah itu akan di-pengerusikan oleh Pegawai Da'erah masing2; Setia Usaha dan ahli2-nya terpuang-lah kepada da'erah itu untuk memileh-nya.

MENGHADHIRI SEMINAR BELIA DI-MALAYA

BERAKAS. — Wakil2 persatuan2 belia di-Negeri Brunei yang telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 20 April yang lalu untuk menghadiri Seminar Belia di-Kuala Lumpur telah balek ka-Bruni pada 4 May.

Pemuda2 itu ialah Inche Zulkifli bin Haji Abdullah (ketua rombongan), Inche Mohamed Ali

bin Mohamed Yusof, Inche Mohamed Shah bin Imam Ahmad, Inche Mohamed Yusof bin Omar, Inche Matamit bin Iradat dan Inche Mohamed Noor bin Awang Besar.

Sa-lain dari menghadiri seminar tersebut mereka juga telah melawat ka-beberapa tempat di-Persekutuan Tanah Melayu.



Inche Zulkifli bin Haji Abdullah dari Brunei kelihatan dalam gambar ini memberi ucapan bagi pehak belia2 dari Brunei, Sarawak dan Borneo Utara di-satu majlis jamuan yang di-adakan di-Pulau Pinang untuk merayakan para perwakilan dari persekutuan2 belia yang menghadiri seminar belia di-Kuala Lumpur dalam bulan April yang lalu. Berdiri di-sabalah Inche Zulkifli ialah Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Dato Wong Poo Nee.

PEGAWAI2 BARU PERSEKUTUAN GURU2 MELAYU BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah memileh Yang Berhormat Inche Shahbuddin bin Mohamed Saleh menjadi Yang Dipertua baharu dan Inche Mohamed Yusof bin Tahir di-pileh menjadi Naib Yang Dipertua persekutuan tersebut.

Pemilehan itu telah di-adakan dalam Meshuarat Agong P.G.G. M.B. di-Bandar Brunei baharu2 ini.

Inche Umar bin Muhammad telah di-pileh sa-mula menjadi Setia Usaha Agong dan Inche Mohamed Daud bin Serudin juga di-pileh sa-mula menjadi Penyim-

pan Wang.

Bekas Yang Dipertua P.G.G. M.B. Yang Berhormat Inche Othman bin Bidin telah di-pileh menjadi Pengerusi Tetap persekutuan tersebut.

Sa-ramai 39 orang telah di-pileh menjadi Ahli2 Jawatan Kuasa baharu persekutuan itu.



Patuhi SOP di mana jua anak awda berada

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

MUSIM persekolahan sudah kembali seperti biasa di sebalik kes COVID-19 yang masih belum menunjukkan akan hilang. Walau bagaimanapun, orang ramai juga semakin dapat menghadapi ancaman ini dengan kesabaran, di samping usaha-usaha agar terhindar daripada jangkitan ini.

Bagi kanak-kanak yang bersekolah, Kementerian Pendidikan dan juga pihak sekolah telah berusaha agar pembelajaran kanak-kanak akan dapat berjalan lancar seperti suasana pembelajaran dalam norma baharu. Tidak banyak perbezaan cuma sikap berhati-hati ditingkatkan demi menjaga kemaslahatan para pelajar.

Bagi para pelajar yang menggunakan pengangkutan ke sekolah, garis panduan bagi mereka juga telah dilaksanakan bagi mengelakkan rantaian jangkitan sesama mereka di dalam bas tersebut. Selain itu, garis panduan Prosedur Operasi Standard (SOP) penggunaan tandas di sekolah juga telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan agar para pelajar dapat kembali bersekolah tanpa perasaan was-was dan kebimbangan ibu bapa atau penjaga akan keselamatan anak-anak mereka.

Dalam hal ini, pihak sekolah perlu diberikan pujian kerana sentiasa membuat langkah-langkah awal bagi memastikan kemaslahatan para pelajar di sekolah mereka terjaga.

Garis panduan pengangkutan pelajar

Untuk memastikan para pelajar dalam keadaan sihat, kesihatan pemandu

pengangkutan seperti bas dan juga perahu, juga diambil perhatian. Antaranya pemandu perlu menjalani ujian ART sekali seminggu dan melaporkan ke Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan.

Apa yang penting pemandu hendaklah mempunyai kod BruHealth berwarna hijau. Bagi pemandu yang mempunyai kod berwarna merah, mereka dibenarkan untuk memandu bas atau perahu dengan syarat keputusan ujian ART ialah negatif setiap hari selama lima hari dan disahkan melalui aplikasi BruHealth. Para pemandu juga tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan COVID-19.

Sementara itu, bagi pelajar pula, mereka hendaklah sentiasa memakai sungkup muka dengan betul dan sentiasa mensanitasi tangan. Pelajar-pelajar juga hendaklah memeriksa suhu badan sebelum masuk ke dalam bas atau perahu. Mereka juga hendaklah beratur ketika hendak masuk dan keluar dari bas atau perahu dan tidak berhimpit atau berebut-rebut menaiki kenderaan tersebut.

Selain itu, pelajar-pelajar juga perlu mengamalkan penjarakan fizikal (satu meter) ketika masuk dan keluar bas atau perahu. Bagi keselamatan juga, para pelajar hendaklah memakai tali pinggang keselamatan semasa di dalam bas atau jaket keselamatan semasa dalam perahu ketika dalam perjalanan.

Bagi memastikan pengudaraan di dalam bas, jendela bas hendaklah dibuka. Bagi memastikan kebersihan bas atau perahu daripada kuman, bas atau perahu akan disanitasi setiap kali selepas pengangkutan pelajar.

SOP penggunaan tandas di sekolah

Sementara itu, SOP bagi penggunaan tandas juga perlu dititikberatkan apatah lagi bagi kanak-kanak. Selain garis panduan pengangkutan, Kementerian Pendidikan juga menyediakan garis panduan kesihatan dan keselamatan di tandas di sekolah-sekolah. Seperti kelaziman, para pelajar hendaklah sentiasa memakai sungkup muka untuk menutup mulut dan hidung dan mengamalkan penjarakan fizikal satu meter. Pelajar-pelajar juga hendaklah sentiasa mengamalkan membaca doa masuk dan keluar tandas.

Bagi memastikan tangan sentiasa bersih, para pelajar perlu sentiasa mengamalkan mencuci tangan dengan sabun cecair dan air bersih atau *hand sanitiser*. Begitu juga dengan pengawalan penggunaan tandas secara berperingkat semasa waktu pembelajaran.

Ibu bapa atau penjaga perlu memberikan kerjasama sepadu bagi melancarkan persekolahan anak-anak, di samping memastikan keselamatan anak-anak terjamin dengan mengikuti SOP yang telah ditetapkan. Begitu juga bagi pengendali pengangkutan sama ada pemandu bas ataupun perahu agar sama-sama menjaga kesihatan. Pastikan sebelum memandu bas atau perahu awda dalam keadaan sihat dan tidak mengalami simptom-simptom jangkitan COVID-19. Pastikan juga pengangkutan yang awda kenderai sentiasa dalam keadaan bersih dan dinyahkuman. Walaupun tindakan ini hanyalah perkara kecil tetapi ia dapat memberi impak yang agak besar kepada orang lain. Bayangkan jika kenderaan awda mempunyai kuman COVID-19 tanpa

disedari, setentunya ia boleh menjangkiti para pelajar yang menaiki kenderaan tersebut. Inilah yang perlu dielakkan dan inilah sebab kenapa kita mesti mematuhi SOP yang diarahkan.

Begitu juga dalam penggunaan tandas di sekolah-sekolah. Perlu diketahui jangkitan COVID-19 boleh tersebar daripada individu melalui titisan dari hidung atau mulut apabila seseorang dengan COVID-19 batuk atau bersin. Orang lain boleh mendapat jangkitan tersebut dengan menyentuh objek atau permukaan ini dan kemudian menyentuh mata, hidung atau mulutnya atau jika berada dekat dengan pesakit COVID-19 yang batuk atau bersin.

Kanak-kanak yang tidak mengetahui bagaimana virus ini boleh berjangkit setentunya tidak peduli adakah tempat yang mereka pegang atau masuki dalam keadaan bersih atau tidak. Umpamanya berada dalam tandas, kanak-kanak akan cenderung memegang paip atau bermain air. Oleh kerana itulah kebersihan tandas di sekolah sangat penting. Bukan sahaja bagi mengelakkan virus bahkan juga kuman yang ada di tempat-tempat seperti tandas tersebut.

Untuk mengelakkan supaya tidak terkena jangkitan COVID-19, awasilah tahap kesihatan anak awda. Jangan sekolahkan jika mempunyai simptom-simptom jangkitan supaya tidak menjangkiti kanak-kanak lain. Patuhi SOP, insyaaAllah akan terhindar daripada virus tersebut.

Marilah kita sama-sama menyokong dan memberikan kerjasama dalam usaha-usaha yang telah dibuat ini. InsyaaAllah dengan usaha dan doa mudah-mudahan negara kita akan sentiasa terhindar daripada segala bencana.

Garis panduan pengangkutan pelajar

BAGI PAMANDU BAS DAN PERAHU

- Pemandu perlu menjalani ujian ART sekali seminggu dan melaporkan ke bahagian Kenderaan dan Pengangkutan
- Pemandu hendaklah mempunyai Kod BruHealth berwarna hijau
- Bagi pemandu yang mempunyai Kod berwarna merah, mereka dibenarkan untuk memandu bas atau perahu dengan syarat keputusan ujian ART ialah negatif setiap hari selama 5 hari dan disahkan melalui aplikasi BruHealth
- Tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan COVID-19



BAGI PARA PELAJAR

- Sentiasa memakai sungkup muka dengan betul
- Sentiasa mengamalkan mensanitasi tangan
- Pelajar-pelajar juga hendaklah memeriksa suhu badan sebelum masuk ke dalam bas atau perahu
- Para pelajar juga hendaklah beratur ketika hendak masuk dan keluar dari bas atau perahu
- Pelajar-pelajar juga perlu mengamalkan penjarakan fizikal (1 meter) ketika masuk dan keluar bas atau perahu
- Bagi keselamatan juga, para pelajar hendaklah memakai tali pinggang keselamatan semasa di dalam bas atau jaket keselamatan semasa dalam perahu ketika dalam perjalanan
- Semasa berada di dalam bas, jendela bas hendaklah dibuka bagi pengudaraan
- Bagi memastikan kebersihan bas atau perahu daripada virus, bas atau perahu akan disanitasi setiap kali selepas pengangkutan pelajar.



SOP PENGGUNAAN TANDAS DI SEKOLAH

- Memakai sungkup muka untuk menutup mulut dan hidung.
- Mengamalkan penjarakan fizikal 1 meter
- Membaca doa masuk dan keluar tandas
- Sentiasa mengamalkan mencuci tangan dengan sabun cecair dan air bersih atau *hand sanitiser*
- Pengawalan penggunaan tandas secara berperingkat semasa waktu pembelajaran



SAMBUT BAIK PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH



PENGETUA Pusat Tingkatan Enam Belait (PTEB), Chin Ai Fong.

KUALA BELAIT, Isnin, 23 Mei. - Pusat Tingkatan Enam Belait (PTEB) digunakan sebagai COVID-19 Holding Area Belait (CHABEL6), yang merupakan salah sebuah Pusat Pengasingan bagi pesakit-pesakit COVID-19.

Sejak bangunan tersebut digunakan sebagai Pusat Pengasingan pada Ogos 2021 hingga April 2022, warga sekolah, termasuk para tenaga pengajar

dan pelajar sekolah berkenaan ditempatkan sementara, di Sekolah Menengah Sayyidina Ali.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan ingin memaklumkan, bahawa premis PTEB beroperasi semula bagi sesi pengajaran dan pembelajaran bermula hari ini.

Kerja-kerja pembersihan di seluruh premis sekolah giat dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya, Tentera Laut Diraja Brunei dan sukarelawan, bagi memastikan persekitaran sekolah berkenaan adalah bersih, kondusif serta selamat bagi warga sekolah.

Kementerian Pendidikan akan terus menekankan aspek kebersihan dan keselamatan

■ **Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed**

premis sekolah di negara ini. Pihak sekolah juga ditekankan untuk terus melaksanakan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang disediakan dalam memastikan kesejahteraan pelajar-pelajar, tenaga pengajar, warga sekolah dan individu-individu, yang mempunyai urusan dengan pihak sekolah adalah terjamin.

Tinjauan Pelita Brunei ke PTEB menyaksikan para guru dan pelajar sangat ceria dan gembira pada hari pertama mereka kembali ke sekolah.

Pengetua PTEB, Chin Ai Fong semasa ditemu bual mengenai persiapan dan persediaan sekolah dalam usaha-usaha pembersihan, bagi menyambut semula kehadiran para pelajar ke sekolah.

"Pihak sekolah telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan dengan rapi bagi persiapan kemasukan semula para pelajar tingkatan enam sejak dari bulan April," jelas beliau.

Beliau melahirkan penghargaan terima kasih atas bantuan dan

sokongan daripada Jabatan Sekolah Kluster 5 dan 6 hingga berjaya serta bergotong-royong membantu membersihkan dan penyediaan sanitasi di kesemua bahagian dalam bangunan sekolah serta membantu menempatkan semula atur susun perabot-perabot kegunaan sekolah.

"Pencuci profesional dari Syarikat Bersih Solutions juga terlibat dalam pembersihan kampus PTEB," jelas beliau.

Pihak sekolah juga berharap agar semua ibu bapa dan pelajar PTEB tidak ragu-ragu terhadap usaha yang dilaksanakan.

Sekolah juga mengutamakan SOP COVID-19 yang ketat dengan pemakaian sungkup muka, penjarakan sosial dan Ujian Kendiri ART yang dipantau rapi akan sentiasa dipatuhi.

Sementara itu, Guru Psikologi, Awang Mohamad Dzulhilmi bin Haji Ibrahim semasa ditemu bual memberi pandangan, bahawa guru-guru akan lebih fokus ketika mengajar dan lebih mudah dari segi pembelajaran, sama ada ketika berinteraksi satu lawan satu mahu pun belajar secara berkumpulan.

Di samping mengambil kira kualiti serta keberkesanan pengajaran dan pembelajaran akan menghasilkan pelajar-pelajar yang berprestasi tinggi serta dapat membanggakan dalam peperiksaan 'A' dan 'O' Level yang akan mereka duduki.

Pelita Brunei juga berkesempatan menemu bual Awang Haji Hazren bin Haji Tengah, di mana menurutnya, dengan pembukaan semula sekolah, ia akan memberikan impak positif pada dirinya, guru-guru dan pelajar dengan menjalani suasana pembelajaran seperti biasa dan selesai.



GURU Psikologi, Awang Mohamad Dzulhilmi bin Haji Ibrahim.

Sementara itu, menurut salah seorang Pelajar PTEB, Dayang Hanna Maisarah binti Haji Abdul Razak yang menyatakan, para pelajar akan lebih selesa dan lebih bersemangat, gembira kerana berpeluang belajar dengan lebih fokus di sekolah.



AWANG Haji Hazren bin Haji Tengah.



PELAJAR PTEB, Dayang Hanna Maisarah binti Haji Abdul Razak.

Keputusan HECAS 2022, 24 Mei

■ **Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mei. - Pengumuman bagi keputusan HECAS 2022 (Pengambilan Pusingan Pertama) untuk Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), iaitu Universiti Brunei Darussalam; Universiti Islam Sultan Sharif Ali; Universiti Teknologi Brunei; dan Politeknik Brunei bagi Tahun Akademik 2022 / 2023 akan diumumkan pada Selasa, 24 Mei 2022, jam 8.30 pagi.

Senarai pemohon-pemohon yang berjaya bolehlah didapati di laman sesawang HECAS, iaitu <https://hecas.moe.gov.bn/>.

Bagi pemohon yang tidak berjaya tetapi memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan oleh IPTA dan berhasrat untuk membuat rayuan, mereka akan diberikan tiga hari waktu bekerja untuk menghadap Surat Rayuan dan hari terakhir untuk menghadap Surat Rayuan dan dokumen berkenaan, pada Sabtu, 28 Mei 2022, sebelum jam 4.30 petang.

Pemohon yang berhasrat untuk membuat rayuan adalah disarankan untuk memohon ke program yang berlainan daripada yang pernah dipohonkan pada bulan Februari 2022 yang lalu.

Penghantaran Surat Rayuan dan dokumen dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* bolehlah dihantar ke alamat berikut seperti dalam rajah 1.

Pemohon hanya perlu melengkapkan Borang Rayuan secara dalam talian (online) yang telah disediakan. Sebarang penghantaran Surat Rayuan secara *hardcopy* atau *softcopy* adalah tidak diperlukan dan tidak akan dilayan.

Sebarang kesulitan dan pertanyaan bolehlah berhubung terus melalui telefon +673 7335984 (semasa waktu bekerja sahaja) atau melalui e-mel, admission.appeal@pb.edu.bn.



HECAS 2022 1st ROUND
RESULT ANNOUNCEMENT
24 MAY 2022, 8:30 AM
CLOSING DATE FOR APPEAL
28 MAY 2022, 4:30 PM
APPLICATION TO HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS
(UBD, UNISSA, UTB & PB)
FOR AUGUST 2022 INTAKE
Overseas Scholarship Result will be informed by the Department of Scholarship Management on a later date
ask.hecas@moe.gov.bn hecas.moe.gov.bn

Apa yang perlu saya hadapkan di dalam gambar ujian ART untuk dimuat naik dalam aplikasi Bruhealth?

كمنترين كصيحائن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH



Ujian ART

Sila catit ujian ini adalah bagi hari ke berapa (contoh Hari-1 atau Hari-5)



Bukti menunjukkan tarikh pada hari berkenaan

KES CACAR MONYET : BELANDA CATAT 6 KES, MAGHRIBI 3 KES



THE HAGUE, 24 Mei. - Bilangan kes cacar monyet yang menjangkiti manusia meningkat kepada enam di Belanda, umum Institut Kesihatan Awam dan Alam Sekitar (RIVM) pada Isnin.

Kes pertama disahkan pada Jumaat lepas, lapor Xinhua.

"Sebahagian kes melibatkan pengunjung yang menghadiri

festival Darkland di Belgium dan terdiri daripada lelaki yang mengadakan hubungan sejenis," menurut RIVM.

RIVM meminta kontak rapat untuk melakukan kuarantin sendiri dan vaksinasi hanya akan ditawarkan di Perkhidmatan Kesihatan Perbandaran kepada mereka yang berisiko tinggi dijangkiti.

Sementara itu, Maghribi pada Isnin turut mengesahkan tiga kes yang disyaki melibatkan jangkitan cacar monyet.

Ketiga-tiga kes itu kini dalam pemantauan dan pesakit berada dalam keadaan sihat serta telah melalui analisis perubatan, menurut Kementerian Kesihatan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia

(WHO) sebelum ini telah mengesahkan kes cacar monyet di 12 negara, termasuk Amerika Syarikat, Kanada, Australia, Britain, Sepanyol, Portugal, Jerman, Belgium, Itali, Belanda,

Perancis dan Sweden.

Kes berkenaan tidak termasuk 21 negara di benua Afrika yang penyakit itu sudah pun dianggap endemik. - ©BERNAMA

Kes HFMD Sabah meningkat 111 peratus - Pengarah Kesihatan

KOTA KINABALU, 24 Mei - Jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di Sabah mula menunjukkan trend peningkatan bermula pada Minggu Epidemiologi 14 (ME 14/2022) iaitu dari 3 hingga 9 April lepas dan semakin meningkat dengan ketara pada ME ke-20 dari 15 hingga 21 Mei.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) Datuk Dr Rose Nani Mudin berkata pada ME ke-20, sebanyak 702 kes HFMD dilaporkan meningkat sebanyak 111 peratus berbanding pada ME ke-19 iaitu hanya 333 kes.

Beliau berkata kumulatif kes HFMD di Sabah sehingga ME

ke-20 adalah sebanyak 3,351 kes dan peningkatan ini sangat tinggi jika dibandingkan dengan 63 kes dalam tempoh yang sama pada 2021.

"Lima daerah yang melaporkan kes tertinggi ialah Tawau (541 kes), Sandakan (451 kes), Lahad Datu (325 kes), Papar (309 kes) dan Kota Belud (269 kes). Setakat ini tiada kes kematian dilaporkan disebabkan oleh HFMD di Sabah," katanya menerusi kenyataan di sini hari ini.

Dr Rose Nani berkata transmisi jangkitan majoritinya berlaku di rumah persendirian atau pusat-pusat pendidikan awal.

Beliau berkata aktiviti kawalan

sedang dijalankan oleh pejabat kesihatan daerah dengan mengadakan sesi dialog awam bersama agensi berkaitan serta pengusaha pusat pendidikan awal bagi meningkatkan pemahaman serta kesedaran mengenai penyakit HFMD.

"Saringan setiap hari terhadap kanak-kanak sebelum masuk ke pusat pendidikan awal dilaksanakan oleh pengusaha pusat tersebut dan kanak-kanak yang bergejala HFMD akan diasing di rumah masing-masing," katanya yang turut memaklumkan hebahan mengenai HFMD turut disalurkan melalui bual bicara radio, media sosial, info grafik dan kenyataan media. - ©BERNAMA

Tentera Korea Selatan bangunkan topi keledar kalis peluru lebih kuat

SEOUL, 23 Mei. - Korea Selatan selesai membangunkan topi keledar canggih yang mampu melindungi tentera daripada tembakan pistol yang lebih kuat, menurut agensi penyelidikan pertahanan pada Isnin.

Topi keledar baharu dan ringan itu dibangunkan menerusi projek kerjasama dua firma tempatan, Hyosung Corp. dan Kyungchang Industry Corp. Projek itu dimulakan pada 2017 untuk meningkatkan daya tahan dan mobiliti tentera

ketika pertempuran, menurut Institut Penyelidikan, Perancangan dan Kemajuan Teknologi Pertahanan (KRIT).

Selain mampu menangkis tembakan daripada pistol 9-mm dan senjata lain yang serupa, keupayaan kalis peluru topi keledar itu kekal teguh walaupun dalam suhu panas, rendah, atau di dalam air, lapor Agensi Berita Yonhap.

Topi keledar itu dijadual dibekalkan kepada perkhidmatan angkatan bersenjata pada

pertengahan akhir tahun ini.

"Dibangunkan di bawah kerjasama swasta-tentera, topi keledar kalis peluru baharu itu mempunyai keupayaan setanding yang dihasilkan negara maju, termasuk Amerika Syarikat," menurut kenyataan KRIT.

Bahan yang digunakan dalam pembuatannya turut boleh digunakan untuk sektor bukan ketenteraan, seperti pengeluaran peralatan pemadam kebakaran. - ©BERNAMA

Sri Lanka naikkan lagi harga bahan api

COLOMBO, 24 Mei. - Ceylon Petroleum Corporation (CPC) milik kerajaan Sri Lanka sekali lagi menaikkan harga bahan api berkuat kuasa Selasa, lapor Xinhua.

Menteri Tenaga, Kanchana Wijesekera berkata ketetapan itu diputuskan mesyuarat Kabinet pada Isnin malam.

Dengan kenaikan itu, harga seliter petrol 92 meningkat

sebanyak 82 rupee kepada 420 rupee manakala satu liter petrol 95 pula naik sebanyak 77 rupee kepada 450 rupee.

Sementara itu, harga satu liter diesel meningkat 111 rupee kepada 400 rupee, dan satu liter diesel super meningkat sebanyak 116 rupee kepada 445 rupee.

Sebuah lagi syarikat pengedar bahan api, Lanka IOC turut

mengumumkan kenaikan harga selari dengan langkah yang diambil CPC.

Sri Lanka bergelut dengan krisis pertukaran asing menyebabkan kekurangan bahan api sejak beberapa bulan lalu.

Sehubungan itu polis telah melancarkan serbuan untuk menahan individu yang menyorok diesel atau petrol untuk dijual semula. - ©BERNAMA

Cuaca panas melampau di India turut jejasikan populasi burung

NEW DELHI, 23 Mei. - Gelombang haba melampau yang melanda India sejak beberapa minggu lalu turut menjejaskan populasi burung menyaksikan di kebanyakan tempat burung 'jatuh' ke tanah akibat "keletihan dan strok haba."

Sejak awal musim panas melanda pada Mac, beberapa kawasan di India mengalami gelombang haba melampau dengan suhu mencecah hampir 50 darjah Celsius di beberapa tempat di New Delhi dan Uttar Pradesh.

Jabatan Meteorologi India (IMD) baru-baru ini memaklumkan suhu yang dicatatkan pada Mac itu adalah yang paling tinggi pernah direkodkan dalam tempoh 122 tahun.

Petugas kanan di hospital haiwan Jivdaya Charitable Trust di Gujarat, Sanjay Patel memberitahu Agensi Anadolu berlaku peningkatan mendadak untuk menyelamatkan burung. Jumlah itu meningkat kepada 90-100 ekor setiap hari berbanding 25-30 ekor

sebelum ini.

Suhu di kebanyakan kawasan kekal melebihi 40 darjah Celsius (104 darjah Fahrenheit).

Keadaan sama turut berlaku di negeri lain termasuk Rajasthan dan New Delhi.

Petugas Animal Aid Unlimited di bandar Udaipur, Rajasthan Raj Kishore berkata burung menghadapi banyak kesukaran, termasuk dehidrasi, menyebabkan banyak burung mati termasuk anak burung. - ©BERNAMA

OIC, AS adakan dialog strategik

JEDDAH, 24 Mei. - Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Amerika Syarikat (AS) mengadakan dialog strategik di Washington untuk membincangkan isu kepentingan bersama, lapor Agensi Berita Arab Saudi (SPA).

Setiausaha Agung OIC Hissein Ibrahim Taha berkata dialog pusingan pertama itu tepat pada masanya ketika dunia menghadapi cabaran besar yang memerlukan kerjasama dan perpaduan bagi mengekalkan keamanan, keselamatan dan persefahaman.

Beliau berkata OIC menggalakkan anggotanya untuk terlibat dengan dialog bagi meredakan ketegangan dan konflik serta mencari penyelesaian secara aman.

Pada 19 Mei, OIC mengeluarkan kenyataan memaklumkan Hissein akan melawat AS pada 20 Mei untuk mengadakan beberapa siri pertemuan dengan Setiausaha Negara Antony Blinken dan pegawai kanan Jabatan Negara AS. - ©BERNAMA

5 bilion penonton dijangka tonton Piala Dunia Qatar : Presiden FIFA

DAVOS, 24 Mei - Piala Dunia 2022 anjuran Qatar pada tahun ini dijangka ditonton lima bilion penonton di seluruh dunia, kata Presiden FIFA, Gianni Infantino.

"Piala Dunia FIFA terakhir yang diadakan sebelum ini ditonton empat bilion penonton manakala Piala Dunia Wanita disaksikan 1.2 bilion penonton.

"Semua yang mempunyai minat yang sama merasakan bahawa bola sepak mempunyai kekuatan untuk penyatuan," kata Infantino pada sesi perbincangan bertajuk "Sport as a Unifying Force" di Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos pada Isnin.

Infantino percaya penganjuran Piala Dunia FIFA Qatar 2022 menjadi peluang terbaik untuk pemulihan dan penyatuan selepas pandemik dan konflik global telah mengasingkan serta memecahbelahkan masyarakat di seluruh dunia.

- ©BERNAMA

7 maut feri terbakar di Filipina

MANILA, 23 Mei. - Sebuah feri membawa 124 penumpang dan 10 anak kapal terbakar pada Isnin ketika dalam perjalanan menuju ke wilayah Quezon di Pulau Luzon, menyebabkan sekurang-kurangnya tujuh orang maut, lapor Agensi Berita Xinhua memetik jurucakap Pengawal Pantai Filipina (PCG).

Komodor Armand Balilo berkata kapal Mercraft 2 itu berlepas pada 5 pagi waktu tempatan dari bandar Polillo, di wilayah itu, menuju ke pelabuhan Real sebelum terbakar kira-kira 900 meter dari pelabuhan.

Kebakaran memaksa penumpang dan anak kapal terjun ke laut, 105 orang berjaya diselamatkan dan enam penumpang dihantar ke hospital.

Punca kebakaran masih dalam siasatan. - ©BERNAMA

Anthony Albanese angkat sumpah sebagai Perdana Menteri Australia ke-31

CANBERRA, 23 Mei. - Pemimpin Parti Buruh Australia, Anthony Albanese pada Isnin mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ke-31 selepas memenangi pilihan raya pada Sabtu, lapor Agensi Berita Xinhua.

Albanese menewaskan Scott Morrison dan gabungannya sekali gus menamatkan kuasa pakatan itu selama hampir sembilan tahun.

Turut mengangkat sumpah jawatan ialah Richard Marles yang dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Buruh, Menteri Luar Penny Wong, Bendahari Jim Chalmers dan Katy Gallagher yang menyandang jawatan Menteri Kewangan, Menteri Wanita dan Peguam Negara.

Majlis angkat sumpah itu diadakan lebih awal bagi membolehkan Albanese dan Wong berlepas ke Tokyo pada Isnin untuk bertemu pemimpin Amerika Syarikat (AS), Jepun, dan India dan menyertai sidang kemuncak Dialog Keselamatan Empat Hala (The Quad) pada Selasa. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



VIET NAM JUARA KESELURUHAN SUKAN SEA KE-31

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Tangkap Layar RTB Go Live

HANOI, VIET NAM, Selasa, 24 Mei. - Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-31 Hanoi, Viet Nam melabuhkan tirainya dengan menyaksikan kejayaan kontinjen tuan rumah Viet Nam muncul juara keseluruhan, berjaya mengutip 205 emas, 125 perak dan 116 gangsa, dengan 446 jumlah pungenan pingat, pada temasya sukan berprestij Asia Tenggara edisi kali ini.

Manakala itu, kontinjen Thailand memperoleh 92 pingat emas, 103 perak dan 136 gangsa, dengan keseluruhan 331 pingat menduduki tempat kedua, diikuti dengan Indonesia di tempat ketiga, membawa pulang 69 emas, 91 perak dan 81 gangsa, iaitu dengan 241 keseluruhan pingat.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam hanya berjaya mengumpul tiga pingat keseluruhan dengan satu pingat emas, satu pingat perak dan satu pingat gangsa, disumbangkan melalui sukan Wushu dan Pencak Silat.

Penutupan temasya sukan dwitahunan itu berlangsung gilang gemilang dan penuh warna warni, memfokuskan tema 'Gather to shine' sebagai simbolik kemeriahan selepas mencipta kemenangan, di samping mewujudkan persefahaman dan persahabatan kepada semua melalui persaingan sukan.

Upacara penutupan rasmi, yang berlangsung di Gimnasium Tertutup Hanoi itu dimulakan dengan persembahan nyanyian penyanyi tempatan Dong Hung, Khanh Linh, Bao Tram dan Pham Anh Duy.

Tuan rumah turut memberi penghargaan kepada atlet olahraga terbaiknya, Nguyen Thi Oanh selepas melakar hatrik dalam acara 1,500 meter (m), 3,000m dan 5,000m.

Majlis penutupan itu diikuti ucapan Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan serta Ketua Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA Ke-31, Nguyen Van Hung yang memberi penghargaan kepada 11 kontinjen yang



bertanding, di temasya ini.

Temasya Sukan SEA 2021 ditutup secara rasmi dengan obor kejohanan dipadamkan, sementara bendera kejohanan diturunkan sebelum diserahkan kepada wakil tuan rumah Sukan SEA Kemboja, tahun depan.

Kemudian tarian LED oleh pasukan tarian 218, iaitu finalis Asia's Got Talent turun memberi persembahan dengan menggabungkan teknologi pencahayaan dan tarian baharu bagi menghiburkan kontinjen.

Akhirnya sekali, 11 bendera negara yang menyertai Sukan SEA turut dipersembahkan bagi menandakan penamatnya selepas diadakan dengan penuh meriah, terutama persembahan memukau sepanjang 90 minit.



TEMASYA Sukan SEA 2021 ditutup secara rasmi dengan obor kejohanan dipadamkan, sementara bendera kejohanan diturunkan sebelum diserahkan kepada wakil tuan rumah Sukan SEA Kemboja, tahun depan.

Pasukan e-Sukan negara beri tentangan hebat

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

HANOI, VIET NAM, Isnin, 23 Mei. - Selepas pertempuran selama tiga hari, peringkat akhir untuk e-Sukan PUBG Mobile di Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-31 Hanoi, Viet Nam bagi Kategori Skuad Berkumpulan diadakan di sini.

Kontinjen negara, iaitu pasukan Brunei 1 dan pasukan Brunei 2, masing-masing hanya mampu berada di tangga ke-13 dengan 77 mata; dan tangga ke-16 dengan 52 mata.

Seperti Kategori Solo, di mana pemain Viet Nam dan Indonesia mendapat pingat emas dan perak, kesudahan bagi Kategori Berkumpulan juga didominasi oleh pasukan dari dua negara tersebut apabila pasukan Indonesia 2 mendapat pingat emas; dan pasukan Viet Nam 1 mendapat perak.

Sementara pasukan Malaysia 1 berjaya mendapat pingat gangsa apabila pasukan mereka berjaya menjadi pasukan tiga terbaik, sekali gus memberi pingat ketiga untuk kontinjen Malaysia bagi e-Sukan.

Walaupun bermula dengan perlahan pada peringkat akhir, akan tetapi pasukan Brunei 2 berjaya mendapat 'Winner Winner Chicken Dinner' sekali semasa berada di peringkat kelayakan, di pusingan kedua.

Permainan kontinjen negara di pusingan kelayakan lebih menyerlah jika dibandingkan dengan cara permainan mereka di Peringkat Akhir, di mana semasa Pusingan Kelayakan, pasukan Brunei 1 berada di ta1qngga ke-9; dan pasukan Brunei 2 berada di tangga ke-7.

Pemain-pemain pasukan Brunei 1, terdiri daripada Global, Bearuang, Fafu, Senko dan Colt, manakala pasukan Brunei 2, terdiri daripada Ryben, Zico, Cow, Galaxy dan Kizo.

Fafu dari Brunei 1 berjaya meraih MVP, di pusingan keempat, hari terakhir perlawanan dengan tiga mata tersingkir, 650 damage, 81 meter longest eliminations dan 22.56 minit masa bertahan.

Edisi kali ini merupakan julung kali permainan e-Sukan PUBG Mobile dipertandingkan dalam temasya Sukan SEA dan sukan penutup bagi Negara Brunei Darussalam, di mana pasukan negara walaupun tewas, namun masih mampu memberikan tentangan hebat kepada para pasukan yang bertanding lainnya, seterusnya menjadi pengalaman bermakna kepada pasukan negara bersaing di arena antarabangsa.

Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif AFF Ke-8

Siaran Akhbar dan Foto:
Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mei. - Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan berlepas ke Viet Nam hari ini untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) Ke-8, yang dijadualkan selama dua hari.

Mesyuarat tersebut antara lain akan membincangkan hala tuju yang perlu diambil ke arah menganjurkan Kongres AFF 2023 dan pemilihan Ahli Jawatankuasa Eksekutif baharu.

AFF juga akan membentangkan program pembangunan dan persaingan yang pastinya akan memberi impak yang besar kepada FABD.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat belayar, Ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD, Awang Bujang bin Haji Japar.

PRESIDEN Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan berlepas ke Viet Nam untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Persekutuan Bola Sepak ASEAN Ke-8.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

DOSA KEPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA BOLEH DITEBUS DENGAN TAUBAT